

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI SELASA : 14 NOVEMBER 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10, 12 HINGGA NO. 56)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WAN SAIFUL WAN JAN
[TASEK GELUGOR]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK WAN SAIFUL WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memperbaiki sistem percukaaian individu dan korporat dalam negara dan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan, menaikkan atau menurunkan apa-apa cukai individu atau korporat dan jangkaan kesan terhadap kutipan cukai daripada langkah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai [*Tax Reform Committee (TRC)*] pada tahun 2018 dan Jawatankuasa Penasihat kepada Menteri Kewangan [*Advisory Committee to Finance Minister (ACFIN)*] pada tahun 2023 untuk mengkaji sistem percukaian sedia ada dan mengemukakan cadangan untuk menambahbaik, memperbaharui dasar dan sistem pentadbiran percukaian negara.

Kajian yang telah dijalankan itu melibatkan konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pakar-pakar percukaian dan melalui kerjasama rapat dengan agensi pentadbir percukaian iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Melalui pengumuman Belanjawan 2024, Kerajaan juga telah memperkenalkan cukai-cukai baharu iaitu Cukai Keuntungan Modal, Cukai Minimum Global dan Cukai Barang Bernilai Tinggi. Pengenalan cukai baharu ini dijangka akan memberi tambahan hasil kepada Kerajaan yang boleh digunakan untuk membiayai pelbagai program dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat.

Kerajaan sememangnya menerima baik cadangan untuk menurunkan kadar cukai korporat dan bersetuju bahawa pengurangan kadar cukai tersebut dapat menjadikan negara lebih kompetitif dan lebih menarik sebagai destinasi pelaburan. Penurunan kadar cukai sebanyak 1 mata peratusan daripada 25% kepada 24% telah dibuat sebelum ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2016. Melalui pengumuman Belanjawan 2023 juga, kadar cukai syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana telah diturunkan sebanyak 2 mata peratusan daripada 17% kepada 15% bagi RM150 ribu pertama pendapatan bercukai.

NO SOALAN :10

Kerajaan sememangnya prihatin terhadap kebimbangan rakyat terutamanya golongan B40 dan M40 yang tertekan dengan kenaikan kos sara hidup. Dalam hal ini, Kerajaan telah menyemak dan menstruktur semula kadar cukai pendapatan individu pemastautin dalam Belanjawan 2023. Kadar cukai pendapatan individu bagi kumpulan M40 telah diturunkan sebanyak 2% bagi banjaran pendapatan bercukai melebihi RM35 ribu hingga RM100 ribu. Pengurangan kadar ini memberi manfaat kepada kumpulan M40 dalam bentuk peningkatan pendapatan boleh guna sehingga RM1,300 setiap tahun.

Selain itu, bagi menjadikan struktur cukai individu lebih progresif dan seimbang, Kerajaan dalam Belanjawan 2023 telah menaikkan kadar cukai pendapatan bagi kumpulan yang berpendapatan tinggi antara 0.5% sehingga 2% melibatkan banjaran pendapatan bercukai melebihi RM100 ribu hingga RM1 juta. Kerajaan dari semasa ke semasa akan terus mengkaji dan menambah baik struktur cukai pendapatan individu sesuai dengan persekitaran ekonomi semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' VERDON BIN BAHANDA
[KUDAT]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jenis bantuan dan sokongan perniagaan serta jumlah bantuan atau sokongan khusus kepada pengusaha dan koperasi di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensi-agensinya telah menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan perniagaan kepada usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan gerakan koperasi di negeri Sabah sepanjang tahun 2023.
2. Bagi usahawan PMKS, program dan inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 11

- (i) Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah menyalurkan pembiayaan sebanyak **RM195.2 juta** melibatkan seramai **31,828 orang Sahabat Usahawan**;
- (ii) TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan mikro sebanyak **RM121 juta** kepada **5,468 usahawan**;
- (iii) Bank Rakyat telah menyalurkan pembiayaan sebanyak **RM164 juta** kepada **355 usahawan**;
- (iv) SME Bank telah menyalurkan pembiayaan sebanyak **RM127.5 juta** kepada **98 usahawan**;
- (v) SME Corp. telah melaksanakan pelbagai program pembangunan usahawan seperti berikut;
 - a) Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di mana seramai **244 usahawan** muda telah mendapat kelulusan geran sebanyak **RM3.66 juta**;
 - b) Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) di mana **10 syarikat** dengan pembiayaan geran sebanyak **RM2.08 juta**;
 - c) Pensijilan seperti Status PMKS dan *SME Competitiveness Rating for Enhancement* (SCORE) di mana **1,052 syarikat** telah mendapat pensijilan ini;
 - d) Pembangunan Perniagaan Usahawan (BizME) di mana **108 orang usahawan** telah mendapat bantuan latihan dengan peruntukan sebanyak **RM320 ribu**;
 - e) Pengukuhan Eksport PKS (SME G Global) dan Galakan Eksport Bumiputera (GEB) sebanyak **5 syarikat** memperoleh manfaat dengan peruntukan diluluskan berjumlah **RM270 ribu**;

SOALAN NO : 11

f) Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) Plus iaitu geran khas untuk Sabah dan Sarawak di mana **RM5 juta** disediakan bagi Sabah sahaja dan setakat ini Kementerian telah menerima permohonan **20 usahawan** Bumiputera Sabah.

(vi) INSKEN telah melaksanakan **39 program** bimbingan dan konsultasi kepada **1402 usahawan**.

3. Bagi gerakan koperasi pula, bantuan dan sokongan yang telah diberikan adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak **lima (5) koperasi** telah menerima dana berjumlah **RM458,500** di bawah Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi (eFast) dan Program Dagang Produk / Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (eDAPAT);
- (ii) sebanyak **lapan (8) koperasi** telah menerima pembiayaan sebanyak **RM30.74 juta** di bawah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM);
- (iii) sebanyak **46 kursus bimbingan** kepada anggota koperasi telah dilaksanakan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan penyertaan seramai **4,497 anggota koperasi**;
- (iv) sebanyak **16 program** telah dilaksanakan dibawah Jualan Madani Koperasi dengan peruntukan sebanyak **RM161 ribu**;
- (v) Kementerian akan mengadakan pakej rangsangan ekonomi koperasi pelancongan dengan dana sebanyak **RM2 juta** pada tahun hadapan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan lebih spesifik berkaitan status kajian ICQS yang dinyatakan semasa KSP RMK-12 pada 18 September 2023 lepas yang berstatus dalam kajian ketika menjawab soalan tambahan oleh saya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks ICQS Bukit Berapit sedia ada di Pengkalan Hulu mula beroperasi pada tahun 2005 dengan kos RM25 juta. Selain Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), terdapat sembilan (9) agensi Kerajaan lain yang beroperasi di kompleks ini termasuklah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Secara purata, jutaan pengembara menggunakan pintu masuk ini untuk keluar dan masuk antara Malaysia dan Thailand setiap tahun. Majoriti warga asing yang masuk ke Malaysia adalah pemegang Pas Lawatan Sosial (PLS).

Pada 8 Mei 2023, satu Program Lawatan Kerja Keselamatan Sempadan Malaysia - Thailand di Pengkalan Hulu, Perak telah diadakan untuk melihat tapak cadangan pembinaan ICQS Bukit Berapit yang baharu bagi menggantikan ICQS yang sedia ada dalam usaha menangani isu keselamatan dan memperketatkan kawalan keselamatan sempadan di pintu masuk berkenaan.

Cadangan pembinaan semula Kompleks ICQS ini ke tapak yang lebih dekat telah dipersetujui secara dasar melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantapan Kawalan Sempadan Negara (JKPKSN) Bil.1/2023 dan akan dimasukkan dalam permohonan bajet Rancangan Malaysia ke-13 (RMKe-13). Sehubungan itu, Kementerian ini akan meneruskan perbincangan lanjut dengan Kerajaan Negeri Perak sebagai persediaan bagi memohon peruntukan dalam RMKe-13.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sumber-sumber pendapatan baru negara dan apakah usaha-usaha penerokaan sumber pendapatan baru yang sedang dirancang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023 telah disemak kepada RM303.2 bilion iaitu meningkat sebanyak 3% berbanding kutipan sebenar 2022 yang berjumlah RM294.4 bilion. Jangkaan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2023 yang lebih baik disumbangkan oleh hasil cukai yang lebih tinggi sebanyak RM229 bilion berbanding RM208.8 bilion yang dikutip pada tahun 2022.

Bagi tahun 2024 pula, hasil Kerajaan Persekutuan diunjur meningkat kepada RM307.6 bilion disumbangkan oleh kutipan hasil cukai yang lebih tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang diunjur berkembang antara 4% hingga 5%. Kerajaan komited dan telah mengambil langkah-langkah untuk mempelbagaikan dan meningkatkan sumber pendapatan negara, antaranya seperti berikut:

- a) Langkah mobilisasi hasil termasuk meluaskan asas hasil cukai; menambah baik dan menyemak semula struktur dan perundangan cukai; serta pemberian insentif percukaian. Kerajaan juga akan melaksanakan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) bagi memastikan perancangan cukai jangka sederhana adalah lebih teratur dan sepadan dengan perbelanjaan. Di samping itu, Kerajaan juga telah menggubal Akta Tanggungjawab Fiskal yang telah diluluskan di Dewan Rakyat yang dijangka dapat mengukuhkan tadbir urus dan disiplin fiskal negara;
- b) Di dalam Belanjawan 2023, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah percukaian bagi meningkatkan kutipan hasil negara seperti meningkatkan mata peratusan kadar cukai pendapatan individu antara 0.5 hingga 2 bagi banjaran pendapatan antara RM1 juta hingga RM2 juta serta melebihi RM2 juta, program pengakuan sukarela di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri serta Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan duti eksais ke atas *vape*;

- c) Di dalam Belanjawan 2024 pula, Kerajaan telah mengumumkan peningkatan kadar cukai perkhidmatan dari 6% ke 8% bagi semua perkhidmatan dan tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi. Di samping itu, peluasan skop cukai perkhidmatan ini diluaskan kepada perkhidmatan logistik, pembrokeran, penaja jaminan dan karaoke; Di samping itu, pada tahun 2024 Kerajaan akan melaksanakan cukai barangan mewah, cukai keuntungan modal dan e-invois dalam usaha meluaskan asas hasil negara;
- d) Kementerian Kewangan sedang melaksanakan kajian berhubung kebolehlaksanaan Cukai Karbon sebagai salah satu Instrumen Harga Karbon (*Carbon Pricing Instrument*) bagi menyokong aspirasi negara dalam mencapai pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) seperti yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Kajian tersebut juga merangkumi proses penandaarasan (*benchmarking*) dengan mengenal pasti amalan terbaik yang telah dilaksanakan di negara-negara maju berhubung pelaksanaan Cukai Karbon. Namun, sebarang pengenalan kepada apa-apa cukai baharu, perlu mengambil kira kesan kepada aktiviti ekonomi dan juga kos sara hidup rakyat yang menjadi keutamaan Kerajaan pada masa ini.
- e) Selain itu, Kerajaan kekal komited terhadap konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana serta tumpuan khusus akan diberikan bagi memastikan kemampuan fiskal akan dapat dicapai melalui penjanaan hasil yang mampan dan keberkesanan perbelanjaan melalui peningkatan kecekapan, mengurangkan ketirisan dan pembaziran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 14 NOVEMBER (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :

- (a) apakah telah dilaksanakan konsep 1 guru 25 murid di sekolah-sekolah Kementerian sebagaimana telah diwar-warkan; dan
- (b) adakah dasar ini masih digunakan atau masih dalam kajian dan bilakah jangkaan untuk dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Nisbah murid-guru ialah purata bilangan murid bagi setiap guru pada peringkat pendidikan tertentu. Pada peringkat nasional, nisbah murid-guru bagi sekolah rendah adalah 12.26 pada tahun 2022 manakala nisbah murid-guru sekolah menengah pula ialah 11.33 pada tahun 2022. Oleh itu secara umumnya, nisbah ini adalah lebih baik berbanding 1 guru 25 murid di sekolah-sekolah KPM sebagaimana yang telah diuar-uarkan.

SOALAN NO : 14

Berdasarkan data pada 30 September 2023, sebanyak 2,065 buah daripada 10,233 buah sekolah adalah Sekolah Kurang Murid (SKM) mengikut kriteria Anggaran Belanja Mengurus (ABM). SKM menjadi penyumbang kepada ketidakseimbangan saiz kelas bagi sekolah-sekolah di bandar dan luar bandar. SKM mencatatkan nisbah murid-guru iaitu 5.48. Walau bagaimanapun, sebanyak 8,168 buah sekolah bukan kurang murid mencatatkan nisbah murid-guru bagi peringkat rendah ialah 12.60 manakala peringkat menengah ialah 11.81.

Nisbah murid-guru bagi bandar dan luar bandar mengikut peringkat sekolah bagi tahun 2022 juga mencatatkan nisbah murid-guru berada pada tahap yang baik bagi kedua-dua peringkat persekolahan di bandar dan luar bandar.

| Peringkat | Bandar | Luar Bandar |
|------------------|--------|-------------|
| Sekolah Rendah | 13.5 | 11.43 |
| Sekolah Menengah | 9.31 | 10.95 |

Sumber : Data seperti pada 30 Jun 2022

Buat masa ini, KPM tidak berhasrat untuk menjalankan kajian bagi nisbah murid-guru. Hal ini kerana nisbah murid-guru Malaysia telah berada pada tahap yang baik berbanding negara lain seperti Singapura 13.92, Australia 14.53 dan Finland 13.36 pada peringkat rendah. Manakala pada peringkat menengah, nisbah murid-guru bagi negara Singapura ialah 11.48, Australia 11.89 dan Finland 12.39.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY
BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan tentang membina sebuah Klinik Kesihatan di tanah seluas 2.02 hektar yang diperuntukan oleh Eco-World di kawasan Eco-Grandeur di Puncak Alam yang sedang pesat membangun dan mempunyai penduduk 100,000 dalam waktu terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sedia maklum akan keperluan penyediaan fasiliti klinik kesihatan di Puncak Alam dan sekitarnya berikutan pembangunan pesat serta pertambahan penduduk di sana. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan telah merancang pembinaan sebuah klinik kesihatan baharu di kawasan Puncak Alam yang terletak di Bandar Seri Coalfields. Buat masa ini, ianya masih dalam proses perolehan tapak dan projek klinik kesihatan akan dimohon setelah proses perolehan tanah selesai.

2. Kementerian Kesihatan mengambil maklum tapak Eco-World seluas 2.02 hektar yang berpotensi untuk perancangan fasiliti pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, ianya memerlukan proses perolehan yang tertakluk kepada peruntukan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai data statistik pertambahan pemilikan kenderaan individu di seluruh negara dalam jangkamasa 5 tahun lepas dan adakah ada perancangan strategik untuk mengawal kadar pertambahan kenderaan tersebut berbanding dengan kemudahan jalanraya sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian mempunyai data statistik pertambahan pemilikan kenderaan individu di seluruh negara dalam jangkamasa 5 tahun lepas dengan melihat kepada jumlah pendaftaran baharu bagi kenderaan individu setiap tahun.

2. Secara keseluruhan, **purata jumlah pertambahan pemilikan kenderaan individu** daripada tahun 2018 sehingga 2022 adalah sebanyak **1.01 Juta setahun** dengan **purata peratus pertambahan sebanyak 8.14 peratus**.

3. Berkenaan dengan perancangan strategik untuk mengawal kadar pertambahan kenderaan tersebut, Kerajaan sentiasa komited untuk memperkasakan pengangkutan awam sebagai perkhidmatan yang penting kepada rakyat sama ada di Lembah Klang, bandar-bandar atau di luar bandar. Terdapat beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti:

- i. menawarkan pelbagai jenis produk seperti Pas Bulanan Tanpa Had My50 bagi memenuhi keperluan penumpang melalui Prasarana; dan
- ii. menawarkan Pas Perjalanan Percuma untuk OKU dan pelajar sekolah bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan KTM Komuter;

4. Dalam masa beberapa tahun lagi, rangkaian rel di Lembah Klang / Kuala Lumpur akan dilebarkan. Projek MRT Putrajaya (MRT2) sejauh 57.1 km telah beroperasi pada 16 Mac 2023. Manakala projek LRT3 sejauh 37.6 km pula dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung 2024. Selain itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665 km yang merupakan projek rel yang akan menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur

dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan dijangka siap pada penghujung tahun 2026.

5. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga sedang dalam pertimbangan pelaksanaan Projek MRT3 yang merupakan sebuah laluan llingkaran meliputi perimeter luar bandaraya Kuala Lumpur dan sebahagian kawasan berpenduduk padat di kawasan Ampang Jaya, Selangor. MRT 3 dirancang dengan laluan sepanjang 51km di mana 39 kilometer terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 12 kilometer terletak di Selangor. Laluan llingkaran ini akan merentasi rangkaian rel sedia ada, termasuk laluan MRT1, MRT2, LRT, Monorel dan KTM Komuter untuk membentuk 10 buah stesen pertukaran (*interchange station*) baharu supaya sistem rangkaian pengangkutan awam di Lembah Klang ini lebih menyeluruh, berkesinambungan dan efisien.

6. Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi berkaitan juga sedang mengusahakan penambahbaikan perkhidmatan bas termasuk mengembangkan perkhidmatan myBAS ke Sabah, Sarawak dan Melaka, melaksanakan percubaan laluan-laluan bas di Lembah Klang, menaiktaraf perhentian bas, menambah bilangan bas henti-henti yang ada dalam perkhidmatan dan menambah laluan bas baharu sebagai penghubung kepada laluan-laluan rel yang berbeza.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN LIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa rakyat di Lembah Klang perlu beratur dari awal-awal pagi sama ada di ofis Jabatan Imigresen atau Pusat Transformasi Bandar (UTC) untuk mendapatkan nombor bagi tujuan pembaharuan pasport.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa komited dalam melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan dan sentiasa peka terhadap keluhan orang ramai berhubung perkhidmatan permohonan dan pembaharuan Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA).

Bagi mengatasi kesesakan di pejabat-pejabat permohonan pasport, JIM telah memperkenalkan perkhidmatan Permohonan Pasport Secara Dalam Talian (*MyOnline Passport*) bermula pada 13 Januari 2017.

Sebagai langkah proaktif, untuk menangani kesesakan pejabat-pejabat permohonan pasport khususnya di Lembah Klang, Jabatan ini bermula pada 1 Jun 2023 telah memperkenalkan perkhidmatan secara dalam talian (online) melalui sistem *MyOnline Passport* sepenuhnya di tiga (3) cawangan terpilih iaitu:

- i) Pejabat Imigresen Kajang;
- ii) Pejabat Imigresen Kelana Jaya; dan
- iii) Pejabat Imigresen Wangsa Maju.

Ini bermaksud, pejabat cawangan ini hanya menerima permohonan secara dalam talian bagi permohonan pembaharuan pasport seperti berikut:

- i) Pemohon berumur 13 hingga 18 tahun;
- ii) Pemohon berumur 18 hingga 59 tahun; dan
- iii) Pemohon Warga Emas berumur 60 tahun ke atas.

SOALAN NO : 17

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga pejabat ini masih menerima permohonan terus di kaunter bagi:

- i) Permohonan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah;
- ii) Pemohon Warga Emas berumur 60 tahun ke atas;
- iii) Bakal Jemaah Haji (yang menerima tawaran Tabung Haji);
- iv) Pelajar berumur 21 tahun ke bawah (yang menerima tawaran pengajian di luar negara);
- v) Permohonan Orang Kurang Upaya (OKU); dan
- vi) Ahli keluarga yang mengiringi pemohon kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah.

Bagi menyelaraskan dan mempercepatkan kelulusan MyOnline Passport, Pusat Operasi Passport (POC) telah ditubuhkan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia di Putrajaya bagi pemprosesan secara berpusat. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan sejak Disember 2022.

Selain itu, dalam usaha untuk menambah baik lagi perkhidmatan secara dalam talian, Jabatan ini akan memperkenalkan perkhidmatan MyOnline Passport untuk permohonan kali pertama dalam masa terdekat bagi:

- i) Pemohon berumur 18 hingga 59 tahun; dan
- ii) Pemohon Warga Emas berumur 60 tahun ke atas.

Selain dari itu, JIM juga telah membuka Pejabat Pengeluar Passport di KLIA mulai 19 Januari 2023 dan merancang untuk membuka satu Pejabat Pengeluar Passport baharu di Shaftsbury Putrajaya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah tenaga bukan guru yang ditugaskan untuk menjaga peperiksaan awam sebab senarai guru untuk menjaga peperiksaan telah diminta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan seiring dengan teras kelima seperti terkandung dalam Tujuh Teras Nadi Keunggulan KPM yang memfokuskan kepada isu kebajikan guru, KPM telah mengambil langkah proaktif berkaitan dengan pelantikan pengawas peperiksaan melibatkan peperiksaan awam bawah kendalian Lembaga Peperiksaan (LP) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengawas peperiksaan bagi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan *Malaysian University English Test* bawah kendalian MPM adalah dilantik oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Pelantikan pengawas dalam kalangan guru adalah berdasarkan pencalonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah, manakala pelantikan pengawas dalam kalangan bukan guru adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh individu

SOALAN NO : 18

secara sukarela. Pelantikan pengawas peperiksaan dalam kalangan bukan guru telah dilaksanakan bermula dengan MUET Sesi 1 2023 pada bulan April, MUET Sesi 2 2023 pada bulan Julai dan peperiksaan Semester 2 STPM 2023 pada bulan September.

Bagi peperiksaan awam bawah kendalian LP, pelantikan pengawas peperiksaan dalam kalangan bukan guru akan bermula dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2023. Permohonan sebagai pengawas peperiksaan telah dibuka kepada orang awam mulai 12 September 2023 hingga 31 Oktober 2023 dan tertakluk kepada kriteria serta syarat yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan sebagai petugas peperiksaan dalam kalangan bukan guru bagi peperiksaan awam hanya melibatkan pengawas peperiksaan. Manakala lantikan sebagai Ketua Pengawas Peperiksaan, Ketua Pengawas Ujian Amali, Timbalan Ketua Pengawas Peperiksaan, Penyelia Kawasan dan Timbalan Penyelia Kawasan adalah kekal dalam kalangan guru atau pegawai perkhidmatan pendidikan yang sedang berkhidmat. Ini adalah bagi memastikan prosedur operasi standard pengoperasian peperiksaan dipatuhi demi menjamin integriti dan kelancaran pengendalian peperiksaan.

KPM sentiasa prihatin dengan kebajikan guru dan berharap agar inisiatif melantik pengawas peperiksaan dalam kalangan bukan guru dapat membantu meringankan beban tugas dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan guru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA
BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(AMPANG)**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL (AMPANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan persediaan untuk mengkaji dan menyemak semula semua kadar bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk dinaikkan malah memperkenalkan skim baharu buat setiap golongan rentan dalam masa terdekat selari dengan lonjakan kos sara hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada terus memerlukan bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari. Ia bertujuan untuk membantu kelangsungan hidup kumpulan sasar yang layak dan memerlukan.

SOALAN NO : 19

2. Penilaian atau semakan mengenai kadar-kadar bantuan yang disediakan dilaksanakan dari semasa ke semasa secara berterusan. Sebagai contoh, Kerajaan semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2021 telah mengumumkan kenaikan kadar bantuan meliputi Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Bantuan OKU Tidak Bekerja, Elaun Pekerja OKU serta Bantuan Warga Emas.

3. Selain daripada kenaikan kadar bantuan, KPWKM juga dari semasa ke semasa telah menilai semula kadar kelayakan permohonan. Sebagai contoh, Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada tahun 2021, penetapan hak kelayakan pendapatan baharu bagi Bantuan Elaun Orang Kurang Upaya (EPOKU) telah dinaikkan dari RM1,200 kepada pendapatan bulanan RM1,500 dan ke bawah. Kenaikan syarat ini telah memberi peluang dan galakan kepada OKU untuk terus bekerja, serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

4. Di samping itu, mengambil kira kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini, Kerajaan melalui pembentangan Belanjawan 2024 telah mengumumkan kenaikan nilai PGK Makanan 2023 RM1,198. Sebanyak RM2.4 billion bantuan kebajikan telah diperuntukkan oleh Kerajaan di bawah JKM untuk disalurkan kepada mereka yang memerlukan serta memenuhi syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan.

5. KPWKM melalui JKM turut sentiasa merancang pelbagai inisiatif untuk mendayaupayakan penerima bantuan agar mereka dapat keluar dan tidak lagi perlu bergantung kepada bantuan kebajikan yang disalurkan melalui JKM. Antara program yang dilaksanakan adalah *2 Years Exit Programme (2YEP)*, iaitu program yang mengambil pendekatan *productive welfare* bagi memperkasakan penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari dan *survival*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @
YAHAYA [POKOK SENA]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan semakan terhadap Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Akta Pertaruhan Wang Terkumpul 1967, Akta Loteri 1952 dan Akta Pertaruhan 1953 bagi menangani isu perjudian secara komprehensif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan mengambil maklum terdapat keperluan untuk melaksanakan semakan ke atas Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Akta Pertaruhan Wang Terkumpul 1967, Akta Loteri 1952 dan Akta Pertaruhan 1953. Sehubungan itu, Kementerian ini sedang membuat semakan secara menyeluruh untuk memastikan kawal selia ke atas aktiviti perjudian dapat dilaksanakan secara komprehensif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pengambilan guru pelatih di Institut Perguruan di Sarawak untuk setiap tahun dari 2018-2022 dan nyatakan pecahan mengikut kumpulan etnik Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum bahawa pengambilan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) KPM berdasarkan kepada unjuran keperluan guru dan agihan ke IPG Kampus adalah mengikut kebitaraan IPG Kampus masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru pelatih yang sedang mengikuti pengajian di empat IPG Kampus adalah seramai 2,266 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,435 (63.33%) orang guru pelatih adalah terdiri daripada anak Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat memperkenalkan mata pelajaran kenegaraan, politik dan integriti di sekolah-sekolah menengah di dalam negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep kenegaraan, politik dan integriti telah diperkenalkan dalam kurikulum kebangsaan mulai tahun 2017, iaitu melalui kandungan mata pelajaran Sejarah dan Pendidikan Moral serta elemen Pendidikan Sivik yang dilaksanakan secara sisipan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam. Bermula dari sekolah rendah, murid diajar mengenai konsep kenegaraan, politik dan integriti iaitu tentang latar belakang pengetahuan asas sejarah negara merangkumi pemerintahan institusi beraja, identiti negara Malaysia, kemerdekaan negara dan pembentukan negara Malaysia untuk membentuk karakter mereka sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan cinta akan negara.

Pada peringkat sekolah menengah, pengetahuan murid berkaitan konsep kenegaraan, politik dan integriti diperkukuhkan dengan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai pembinaan negara, perlembagaan, pilihan raya dan prosesnya serta konsep kedaulatan negara. Ini adalah bertujuan supaya murid memahami kepentingan peranan mereka sebagai warganegara yang bertanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian dan kestabilan pemerintahan negara.

Melalui pelaksanaan kurikulum kebangsaan, murid akan memperolehi pengetahuan, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (kemahiran berfikir kritis, kemahiran berfikir kreatif, kemahiran menaakul dan strategi berfikir) dan nilai tentang konsep kenegaraan, politik dan integriti yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan bagi membentuk warganegara yang mempunyai sikap bertanggungjawab, hormat menghormati, berdaya tahan, mahir berkomunikasi, berprinsip, bermaklumat dan cinta akan negara.

KPM juga sentiasa memberi ruang dan peluang kepada murid untuk memperkukuhkan kefahaman dalam pendidikan konsep kenegaraan, politik dan integriti melalui aktiviti kokurikulum di sekolah bagi melengkapkan pengajaran dan pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Selaras dengan itu, bagi menerapkan kesedaran awal sebagai persediaan menjadi pengundi

SOALAN NO : 22

dalam kalangan murid, KPM dengan kerjasama Jabatan Penerangan Malaysia telah melaksanakan aktiviti patriotisme melalui Kelab Malaysiaku. Kelab ini bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai semangat patriotik dan cintakan negara di samping berperanan untuk memberi pendedahan kepada murid berkaitan sistem demokrasi berparlimen. Aktiviti yang dijalankan oleh kelab ini adalah Amalan Demokrasi Berparlimen, Kembara Kelab Malaysiaku, Wacana Kemerdekaan, Kem Aspirasi Pelajar dan Sketsa Rukun Negara.

Selain itu, KPM turut bekerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam melaksana pelbagai aktiviti berteraskan kepada pengamalan Rukun Negara melalui Kelab Rukun Negara di sekolah. Objektif pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk menghayati idea kebebasan dan demokrasi negara, memberi kefahaman dalam sistem perundangan negara, memberi kesedaran tentang pembentukan/penggubalan perlembagaan Malaysia, memupuk sifat kepimpinan serta semangat cintakan negara dalam kalangan murid. Antara aktiviti yang dilaksanakan melalui kelab ini adalah Mini Parlimen, Bulan Kesedaran Perlembagaan, Bulan Kemerdekaan, Lawatan Kenegaraan dan Forum berkaitan Perlembagaan.

Oleh yang demikian, KPM berpandangan tiada keperluan untuk memperkenalkan mata pelajaran kenegaraan, politik dan integriti kerana semua elemen telah terkandung dalam kurikulum sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G.
KITINGAN [KENINGAU]**
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G. KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setiap tahun Kerajaan menerima RM50 bilion dari Petronas sebagai dividen khas, bolehkah Kerajaan memberi sebahagian dividen khas tersebut untuk dibahagikan kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak iaitu Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak ataupun Petronas disuruh membayar dividen khas kepada negeri-negeri pengeluar minyak tersebut setiap tahun di mana negeri-negeri tersebut memerlukan hasil tambahan tersebut bagi membantu membangunkan infrastruktur dan ekonomi mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 97 (1), Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa segala hasil dan wang tidak kira bagaimana jua pun diperdapatkan atau diterima oleh Persekutuan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang persekutuan, hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP).

Dividen PETRONAS dikategorikan sebagai hasil bukan cukai dan ia merupakan komponen hasil faedah dan pulangan pelaburan yang dibayar oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kepada Kerajaan Persekutuan. Contoh dividen utama daripada GLC adalah dividen PETRONAS, Bank Negara Malaysia, Khazanah dan GLC lain. Di samping itu, hasil daripada sumber petroleum juga meliputi hasil cukai pendapatan petroleum (PITA), duti eksport petroleum dan royalti petroleum. Kesemua ini merupakan hasil Kerajaan Persekutuan yang akan dimasukkan dalam KWDP.

Hasil Kerajaan yang dimasukkan dalam KWDP diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus dan program serta projek pembangunan berdasarkan belanjawan tahunan pada setiap tahun bertujuan melaksanakan perancangan Kerajaan Persekutuan berdasarkan strategi, program, aktiviti dan projek Persekutuan yang telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara. Perbelanjaan ini juga adalah termasuk peruntukan yang disediakan khusus kepada kerajaan negeri seperti pemberian dan geran yang mana ia turut disalurkan kepada negeri Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak bagi memastikan pembangunan yang seimbang di semua negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan supaya memantau dan mengkaji semula kebebasan akademi memandu yang mengenakan caj-caj tidak munasabah kepada pemohon baharu yang memohon lesen memandu. Kenapa kadar bayaran berbeza antara setiap akademi memandu bagi kategori permohonan yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) **telah menetapkan harga siling (atau harga maksimum)** yang boleh dikenakan kepada calon bagi mendapatkan suatu permohonan lesen memandu mengikut kelas-kelas kenderaan motor. Kadar harga siling yang telah ditetapkan ini mengandungi elemen-elemen kos tetap yang perlu ditanggung oleh pihak Institut Memandu (IM) dan kadar fi perkhidmatan Kerajaan. Antara elemen kos tetap yang telah diambil kira di dalam kadar harga siling ini adalah fi pendaftaran, kadar sewaan ruang pejabat, sewaan kenderaan, bayaran kelas teori/praktikal, kos tenaga pengajar, bayaran ujian berkomputer, yuran perkhidmatan dan kos utiliti.

2. Bagi **kelas kenderaan B** (motosikal melebihi 500cc), harga siling adalah **RM900**. Bagi **kelas kenderaan B2** (motosikal tidak melebihi 250cc), harga siling adalah **RM350.00**. Bagi **kelas kenderaan D** (motokar BTM tidak melebihi 3500kg) adalah **RM1,150**, dan bagi **kelas kenderaan DA** (motokar tanpa pedal klac BTM tidak melebihi 3500kg) adalah **RM1,250**.

3. Penetapan kadar siling (harga maksima) yang boleh dikenakan oleh Institut Memandu kepada calon adalah merupakan satu kaedah bagi mewujudkan satu persaingan yang sihat di kalangan IM untuk meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan mereka. Orang ramai seterusnya boleh membuat pilihan institut-institut memandu berdasarkan kualiti perkhidmatan yang disediakan dan menilai sendiri kadar fi yang akan dikenakan. Kadar siling yang ditetapkan telah mengambil kira kadar bersesuaian berdasarkan harga pasaran semasa, kadar-kadar fi perkhidmatan serta kos pengoperasian IM sendiri.

4. Namun begitu, sekiranya Institut Memandu (IM) mengenakan caj tambahan atau di luar daripada elemen kos yang telah ditetapkan di bawah harga siling, maka pihak IM perlu menyatakan secara terperinci setiap elemen kos tambahan yang dikenakan kepada calon. Pihak IM juga

perlu mendapatkan persetujuan calon ke atas caj tambahan yang dikenakan oleh pihak IM bagi mengelakkan sebarang permasalahan di antara kedua belah pihak. Secara umumnya, antara elemen atau pakej tambahan yang sering disediakan oleh IM termasuklah kemudahan pengangkutan dari rumah dan ke lokasi IM (pergi/balik), penyediaan makan minum sepanjang kursus dan bayaran latihan ulangan. Elemen kos tambahan sebegini yang kebiasaannya menjadikan harga bayaran terkumpul yang perlu dibayar oleh calon adalah melebihi daripada harga had siling. Namun, calon atau orang ramai adalah bebas sama ada memilih untuk melanggan dan mendapatkan perkhidmatan tambahan berkenaan atau sebaliknya.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, JPJ sentiasa melaksanakan pemantauan melalui naziran dan Operasi Khas Institut Memandu (OKIM) ke atas IM di seluruh negara bagi memantau semua aspek pengoperasian oleh IM termasuk aspek kawalan ke atas kadar yuran yang dikenakan oleh pihak IM. Pihak JPJ akan mengambil tindakan ke atas mana-mana institut memandu yang gagal mematuhi kadar siling yang ditetapkan. Kerjasama orang ramai adalah diperlukan bagi membuat aduan di mana-mana pejabat JPJ sekiranya mereka dikenakan bayaran yang tinggi oleh pihak IM melebihi had siling (iaitu diluar daripada elemen kos yang telah dibenarkan) atau bagi elemen melibatkan perkhidmatan tambahan, telah dikenakan tanpa sebarang persetujuan awal oleh pihak calon.

6. Dalam hal ini, sekiranya JPJ menerima sebarang aduan daripada orang awam berhubung kadar yuran yang dikenakan oleh IM, pihak JPJ akan membuat siasatan dan sekiranya kesalahan tersebut didapati sahih serta terbukti, permit IM tersebut boleh digantung atau dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA
BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
(TANJUNG PIAI)**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' SRI DR. WEE JECK SENG (TANJUNG PIAI) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kementerian bagi menangani isu peningkatan jumlah pengemis warga asing di negara ini terutamanya di ibu negara dan pusat bandar-bandar utama di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sebarang perkara berhubung dengan orang asing yang memasuki Malaysia adalah tertakluk di bawah Akta Imigresen 1959/63 yang terletak di bawah seliaan dan bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), sebuah agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri. Sementara itu, Akta Orang Papa 1977 [Akta 183] di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mempunyai peruntukan untuk menjaga dan memulihkan orang-orang papa dan kutu raya. Akta 183 ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

2. Apabila operasi di bawah Akta 183 dijalankan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan melaksanakannya bersama agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH). Ini kerana ia turut melibatkan bidang kuasa serta perundangan merentasi agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

2. Dalam operasi ini, mereka yang diselamatkan akan dibawa ke satu tempat khas yang disediakan oleh PBT untuk disaring bagi menentukan kategori orang diselamatkan itu untuk ditetapkan agensi yang akan bertanggungjawab dalam langkah seterusnya. Sebagai contoh:

- i. jika individu yang diselamatkan itu adalah warganegara yang tergolong dalam profil kumpulan sasar JKM (seperti berumur 60 tahun ke atas iaitu Warga Emas, kanak-kanak bawah umur 18 tahun, OKU) tetapi tidak mempunyai masalah kesihatan dan kesihatan mental, mereka ini akan diletakkan di bawah tanggung jawab JKM untuk siasatan sebelum di bawa ke institusi kebajikan di bawah JKM seperti Desa Bina Diri (bawah 60 tahun), Rumah Seri Kenangan (60 tahun ke atas), dan Rumah Kanak-Kanak;

SOALAN NO : 25

- ii. jika individu yang diselamatkan itu adalah BUKAN warganegara, individu itu akan dikendalikan dan diletakkan di bawah tanggung jawab pengurusan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia; dan
 - iii. jika individu tersebut terlibat dalam dadah, pihak AADK akan mengendalikan kes mereka.
3. Sehubungan dengan itu, penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak adalah penting bagi mengatasi cabaran pengemis warganegara asing ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN LIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dalam kes perceraian, visa pasangan dibatalkan menyebabkan suami bukan warganegara meninggalkan Malaysia. Ini memberi cabaran kepada wanita warga Malaysia yang masih memerlukan sokongan bekas suami mereka. Apakah cadangan Kerajaan memastikan kepentingan pasangan bukan warganegara dan anak kekal di sini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri adalah prihatin dengan cabaran yang dihadapi oleh wanita warganegara yang telah bercerai dengan bekas suami warganegara asing. Oleh yang demikian, bagi memelihara kebajikan wanita warganegara Malaysia yang memerlukan sokongan bekas suami bukan warganegara, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menyediakan kemudahan imigresen yang bersesuaian buat pasangan asing tersebut untuk berada di negara ini setelah bercerai.

SOALAN NO : 26

Berdasarkan peraturan semasa bagi kes yang melibatkan perceraian, JIM akan mengambil kira pemakluman dan permohonan oleh kedua-dua pihak berhubung urusan perlanjutan atau penamatan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang suami/isteri kepada warganegara.

Di dalam kes ini, bekas suami (pasangan asing warganegara) dan isteri (pasangan warganegara) perlu hadir bersama untuk memaklumkan status perceraian kepada JIM. Dengan pemakluman tersebut, dan sekiranya tiada perlanjutan diberikan, JIM hanya membuat pindaan tarikh tamat Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang dan bukan membatalkan pas.

Selain itu, bekas suami warganegara asing tersebut tidak semestinya perlu meninggalkan negara sejurus selepas pindaan tarikh tamat Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang dibuat. Untuk memastikan kepentingan pasangan bukan warganegara dan anak terpelihara, antara pertimbangan yang boleh diberikan adalah seperti berikut:

- (i) bekas suami warganegara asing boleh mengemukakan permohonan rayuan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang untuk pertimbangan khas melalui Jawatankuasa Rayuan Imigresen (JKRIM). Pertimbangan dan kelulusan JKRIM adalah mengikut situasi (*case by case basis*) dan keutamaan adalah kepada bekas pasangan yang mempunyai anak yang sah taraf mengikut undang-undang di Malaysia; dan
- (ii) bekas suami warganegara asing juga boleh memohon pertukaran pas kepada Pas Penggajian atau Pas Residen untuk kekal di dalam negara dan mendapatkan pekerjaan bergaji atau menjalankan perniagaan yang sah mengikut undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah usaha untuk menyokong penubuhan tabung amanah negeri memandangkan Sidang Dewan Undangan Negeri sudah meluluskan Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Amanah Kerajaan 2023 dengan menyalurkan peruntukkan bajet Persekutuan ke Tabung Amanah Sabah sejajar dengan semangat penurunan kuasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan berdasarkan **keperluan tahunan projek berkenaan dan berlandaskan kepada kos projek yang telah ditetapkan**. Seterusnya, Kerajaan akan menyediakan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan tahunan berdasarkan kepada baki kos projek dan sekiranya sesuatu projek berkenaan mengalami kelewatan dalam pelaksanaan, maka peruntukan akan disediakan pada tahun-tahun berikutnya berdasarkan kepada baki kos projek yang berkaitan sehingga projek pembangunan tersebut siap.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, **peruntukan Perbelanjaan Pembangunan disediakan melalui pinjaman**. Kerajaan tidak akan membuat pinjaman sekiranya peruntukan tersebut tidak dapat dibelanjakan dan sekiranya sesuatu projek berkenaan mengalami kelewatan dalam pelaksanaan, maka **Kerajaan akan menyediakan peruntukan pada tahun-tahun berikutnya berdasarkan kepada baki kos projek yang berkaitan**. Kerajaan akan terus memastikan supaya projek-projek pembangunan di Sabah dapat disiapkan mengikut perancangan beserta kos projek yang telah ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat sekalian juga perlu faham bahawa kos projek tidak akan berkurang dan peruntukan akan tetap disediakan setiap tahun sehingga projek siap sepenuhnya.

Justeru, **tiada keperluan untuk mengembalikan semula peruntukan Persekutuan yang tidak dibelanjakan oleh Sabah kepada Kementerian Kewangan Sabah mengambil kira mekanisme sedia ada adalah memadai untuk memastikan projek-projek pembangunan di Sabah dapat disiapkan mengikut kos projek yang telah ditetapkan.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan bagi menghadapi masalah kejatuhan nilai mata wang dan nyatakan perbandingan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan mata wang negara-negara ASEAN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan mengenai perancangan Kerajaan dalam menangani masalah kejatuhan nilai mata wang, Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai bank pusat yang bertanggungjawab terhadap kestabilan pasaran kewangan dan mata wang akan sentiasa memastikan pelarasan ringgit berada dalam keadaan teratur. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran di samping mengurangkan impak terhadap aktiviti ekonomi domestik. Justeru, BNM akan terus menguruskan risiko daripada perkembangan domestik dan luaran bagi menangani volatiliti dalam pasaran pertukaran asing serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur.

Kerajaan kekal komited dalam memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan polisi-polisi struktural yang berupaya meningkatkan

pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran masuk dana dan pelaburan asing serta mempertingkatkan pelaburan langsung domestik (DDI) yang berkualiti. Langkah ini termasuk usaha bagi mentransformasi ekonomi negara yang dipandu oleh Kerangka Ekonomi MADANI menerusi dasar seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas. Selain faktor pemulihan kestabilan pasaran dunia, langkah-langkah tersebut beserta pelaksanaan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy*, NIP) untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti negara serta komitmen Kerajaan terhadap pengukuhan kemampuan fiskal menerusi pembentangan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) dijangka menambah baik sentimen pelabur seterusnya memperkukuh nilai ringgit.

Mengenai perbandingan nilai ringgit berbanding mata wang negara ASEAN, setakat 2 November 2023, nilai ringgit telah menyusut sebanyak -7.3% berbanding dolar AS. Penyusutan ini sejajar dengan mata wang ASEAN yang lain seperti baht Thailand yang turut merosot sebanyak -3.8%, rupiah Indonesia (-1.8%), dollar Singapura (-1.8%) dan peso Filipina (-1.5%). Bagi separuh tahun kedua pula, walaupun ringgit masih menyusut sebanyak -0.9% berbanding dolar AS, ringgit telah mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding negara jiran seperti baht Thailand. Di samping itu, kadar pertukaran efektif nominal ringgit (*nominal effective exchange rate*, NEER) iaitu indeks yang mengukur prestasi ringgit berbanding mata wang rakan perdagangan utama Malaysia juga menunjukkan kedudukan yang stabil pada suku ketiga 2023 iaitu meningkat sebanyak +1.0%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap anggota keselamatan Malaysia terlibat dalam tragedi kubur besar memandangkan anggota keselamatan di Thailand telah dihadap ke mahkamah atas penglibatan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa komited terhadap kawalan keselamatan sempadan negara khususnya dalam menangani isu jenayah rentas sempadan misalnya isu penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian, Perlis. Dalam hal ini, tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat adalah tertakluk kepada siasatan dan berdasarkan bukti-bukti yang dikemukakan termasuk keterangan daripada saksi yang berkaitan. Keseriusan Kerajaan dalam menangani isu ini dapat dilihat melalui tindakan-tindakan seperti berikut:

Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Penemuan Kem Penempatan Sementara dan Kubur di Wang Kelian, Perlis

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Oktober 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Penemuan Kem Penempatan Sementara dan Kubur di Wang Kelian, Perlis. Penubuhan RCI ini telah mendapat perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong pada 29 Januari 2019 dan telah menjalankan siasatan bermula dari 5 Mac 2019 sehingga 4 September 2019. Suruhanjaya tersebut terdiri daripada tujuh (7) orang berpengalaman luas dalam bidang masing-masing yang diketuai oleh YABhg. Tun Arifin Bin Zakaria.

Selepas mendapat perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong, laporan suruhanjaya ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri buat pertama kalinya pada 29 Januari 2020 dan kali kedua pada 24 Jun 2020. Seterusnya, laporan tersebut telah dihebahkan untuk rujukan umum melalui laman sesawang rasmi Kementerian Dalam Negeri (KDN) iaitu www.moha.gov.my.

Siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Walaupun RCI ini telah dimuktamadkan prosesnya serta laporan akhir telah dihebahkan untuk rujukan umum, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus menjalankan siasatan ke atas kes ini bagi memastikan dalang-dalang yang terlibat dapat dibawa ke muka pengadilan.

Komitmen Kerajaan Madani

Kerajaan Madani sentiasa komited untuk mengambil tindakan tegas kepada semua pihak yang terlibat dengan sebarang aktiviti jenayah. Dalam hal ini, Seksyen 26B(d), Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] (ATIPSOM 2007) jelas menerangkan kesalahan berkaitan penyeludupan migran yang melibatkan penjawat awam termasuklah anggota keselamatan dalam melaksanakan kewajipan awamnya dikategorikan sebagai kesalahan penyeludupan migran yang lebih berat. Seseorang yang disabitkan dengan kesalahan penyeludupan migran di bawah Seksyen 26B Akta 670 ini boleh dihukum dengan pemenjaraan

SOALAN NO: 29

seumur hidup atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun, dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat, atau kedua-duanya.

Dalam hal yang berkaitan, statistik penjawat awam yang terlibat dalam melakukan kesalahan pemerdagangan orang semasa menjalankan kewajipan awamnya merupakan salah satu elemen utama yang dinilai dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai pemerdagangan orang. Malaysia telah dinilai berada pada Tahap 2 Pemerhatian untuk tahun penilaian 2023 dan antara perkara penambahbaikan utama yang ditekankan dalam Laporan JNAS bagi menambah baik kedudukan penilaian Malaysia adalah meningkatkan usaha bagi menyiasat dan mendakwa kes-kes yang melibatkan penjawat awam.

Kerajaan melalui Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) mengambil serius mengenai isu penyeludupan migran dan sentiasa berusaha untuk mengekang jenayah ini daripada berleluasa. Dalam hal ini, Kerajaan memberikan fokus kepada empat (4) aspek utama iaitu penguatkuasaan, pencegahan, '*partnership*' dan pembangunan kapasiti pegawai penguatkuasa.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) serta pejabat-pejabat Kawalan Perjalanan (TCO) dan juga Interpol untuk mendapatkan data, statistik dan maklumat-maklumat dalam bentuk inteligen serta polisi-polisi yang berkaitan bagi tujuan analisis dan juga perancangan operasi/aktiviti intervensi. Agensi penguatkuasaan di Malaysia juga kerap berkongsi maklumat tentang rangkaian sindiket penyeludupan migran dengan pihak berkuasa tempatan dan luar negara. Dengan adanya perkongsian maklumat yang efisien, agensi penguatkuasaan dapat mengenalpati rangkaian sindiket antarabangsa dan seterusnya mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya terutama yang melibatkan penjawat awam.

Kerajaan juga memberi penekanan untuk menjalin kerjasama serantau dan antarabangsa bagi memerangi isu penyeludupan migran dengan lebih berkesan. Sebagai contoh, PDRM telah menjalankan beberapa siri operasi bersepadu dengan pihak berkuasa Australia sejak tahun 2018. Dalam

SOALAN NO: 29

operasi ini pihak berkuasa Australia telah memberi bantuan teknikal dan berkongsi maklumat tentang sindiket berkaitan dengan pihak Cawangan Khas sehingga berjaya menangkap beberapa rangkaian sindiket penyeludupan migran.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) juga telah bekerjasama dengan pihak *Australian Border Force* (ABF) dalam penganjuran operasi bersepadu yang dikenali sebagai 'Operasi Redback' sejak 2013. Operasi *Redback* ini merupakan satu inisiatif kerjasama antara APMM dan ABF dalam usaha mengekang, membanteras dan memerangi aktiviti jenayah rentas sempadan terutamanya penyeludupan migran. Selain itu, APMM juga bekerjasama dengan beberapa syarikat perkapalan dan kontraktor di telaga carigali minyak untuk mendapatkan risikan/maklumat mengenai sebarang bot/kapal yang mencurigakan yang mungkin membawa pendatang asing tanpa izin (PATI) ke dalam negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju pendidikan negara terkini akan digubal memandangkan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025 bakal berakhir di samping sistem pendidikan yang banyak berubah pasca pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited membangunkan sistem pendidikan dalam mencapai aspirasi negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) yang menggariskan lima aspirasi sistem iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan untuk mencapai aspirasi murid yang berikut, iaitu: Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian, dan Identiti Nasional.

SOALAN NO : 30

Pelan ini telah menunjukkan pencapaian positif seperti peningkatan enrolmen khususnya di peringkat menengah atas yang telah meningkat daripada 77.96 peratus kepada 89.97 peratus pada tahun 2022. Manakala enrolmen murid dalam aliran TVET telah meningkat daripada 4.6 peratus kepada 6.66 peratus, dan peningkatan bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) turut meningkat daripada 9.6 peratus kepada 83.47 peratus pada tahun 2022.

Pelan pembangunan ini turut menumpukan dari segi kualiti guru. KPM telah memberi tumpuan dalam tiga aspek iaitu pemantapan pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan, pemerkasaan profesionalisme dan kelestarian kesejahteraan guru. Profesionalisme guru diperkasa melalui Pembangunan Profesionalisme berterusan guru supaya kompeten dan kekal bermotivasi dalam menjalankan tugas. Pelan ini sedang berada dalam Gelombang 3 yang menjurus kepada kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi terkait dengan aspek tadbir urus sekolah, kepemimpinan, inovasi dan autonomi pendidikan. Justeru itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) kekal menjadi teras pertimbangan dalam merangka dan menentukan hala tuju pendidikan Malaysia. KPM akan terus memberikan tumpuan kepada pembangunan latihan kompetensi guru serta kebolehpasaran individu dalam bidang pekerjaan dalam dan luar negara. Justeru kerangka pendidikan pelan hala tuju pendidikan ini akan melihat secara menyeluruh serta akan mengambil kira bukan sahaja faktor global tetapi juga dasar negara dalam pembentukan karakter warga negara.

KPM kini sedang menilai pencapaian pelan ini dan juga telah memulakan perancangan, libat urus, sindikasi dengan pemegang taruh dalam membangunkan pelan pendidikan baharu dengan mengambil kira senario pendidikan terkini. Melalui 7 teras utama pendidikan, KPM komited untuk memperkasakan sektor pendidikan negara. Perancangan ini akan menjadikan pendidikan manusiawi ke arah Malaysia Madani termasuk menjadikan Anak Yang Baik Lagi Cerdik dan pembentukan karamah insaniah serta pendidikan karakter sebagai tunjang dalam kesinambungan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan atau rasional pelaksanaan syarat wajib lulus mata pelajaran Sejarah bagi SPM sejak tahun 2013 dan bolehkah dipertimbang untuk memansuhkan syarat tersebut yang dilihat menyukarkan pelajar lepasan SPM menyambung pelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat berterima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap kesukaran calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pelajaran disebabkan tidak lulus mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid mulai Tahun 4 pada peringkat rendah sebelum dipelajari secara lebih mendalam pada peringkat menengah. Kurikulum Standard Sekolah Menengah bagi mata pelajaran Sejarah bermatlamat untuk memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia.

SOALAN NO : 31

Usaha ini dapat memupuk dan memperkukuh identiti diri dalam kalangan murid sebagai warganegara Malaysia yang arif dan peka sejarah serta cinta akan negara. Mulai tahun 2013, mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus pada peringkat peperiksaan SPM.

Berdasarkan analisis keputusan peperiksaan SPM Tahun 2022, gred purata bagi mata pelajaran Sejarah adalah 4.65 berbanding 4.88 bagi peperiksaan SPM Tahun 2021. Prestasi bagi mata pelajaran Sejarah telah menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu sebanyak **0.23 mata**.

KPM sentiasa prihatin terhadap calon yang tidak lulus mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan SPM. Sebagai usaha membantu calon tersebut, KPM menyediakan peluang kepada mereka untuk menduduki peperiksaan SPM Ulangan (SPMU) yang dilaksanakan pada setiap tahun. SPMU menawarkan tiga mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam peperiksaan SPMU Tahun 2023, seramai 5,394 orang calon lepasan SPM Tahun 2022 telah menduduki peperiksaan SPMU Tahun 2023 sebagai usaha memperbaiki keputusan peperiksaan termasuk bagi mata pelajaran Sejarah.

Selain itu, calon juga boleh menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian pada tahun-tahun berikutnya. Keputusan ini boleh digabungkan dalam satu sijil peperiksaan sahaja melalui perkhidmatan *patching* sijil peperiksaan SPM yang ditawarkan oleh KPM. Calon yang telah memperoleh sijil SPM kali pertama mulai tahun 2009 layak untuk memohon perkhidmatan ini. Dengan cara ini, calon masih berpeluang untuk mendapatkan sijil SPM atau memperbaiki keputusan mereka bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya atau mencari peluang pekerjaan.

Justeru itu, mata pelajaran Sejarah masih dikekalkan sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan SPM selaras dengan usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam gagasan Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci jumlah penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa di Malaysia ke seluruh dunia semasa pandemik COVID-19 pada 2020 dan 2021 berbanding tahun 2022 dan 2023, berapakah jumlah penumpang yang menggunakan penerbangan antarabangsa bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 dari lapangan Terbang antarabangsa di Malaysia untuk perbandingan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penerbangan dari Lapangan-lapangan Terbang Antarabangsa di Malaysia ketika pandemik COVID-19 adalah seperti yang berikut:

- (i) Pada tahun 2020, jumlah penerbangan adalah sebanyak 256,909;
- (ii) Tahun 2021 merekodkan penurunan jumlah penerbangan kepada 156,746;
- (iii) Jumlah penerbangan pada tahun 2022 meningkat kepada 410,371; dan
- (iv) Sehingga Julai 2023, sebanyak 311,679 jumlah penerbangan direkodkan.

2. Sementara itu, butiran jumlah penumpang yang menggunakan penerbangan antarabangsa dari Lapangan Terbang Antarabangsa adalah seperti yang berikut:

- (i) Pada tahun 2020, seramai 9,460,180 penumpang;
- (ii) Pada tahun 2021, sejumlah 1,356,423 penumpang; dan
- (iii) Pada tahun 2022, seramai 5,660,858 penumpang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca kemudahan pengangkutan awam darat kurang mendapat sambutan pengguna di Malaysia memandangkan sasaran oleh Kerajaan sebanyak 40% penggunaannya tidak tercapai dan hanya mencecah 20% sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penumpang pengangkutan awam telah jatuh secara mendadak pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan wabak COVID-19. Walaubagaimanapun, pemulihan jumlah pengguna pengangkutan awam menunjukkan trend yang memberangsangkan.

2. Jumlah penumpang rel di Lembah Klang termasuk laluan MRT Kajang dan Putrajaya, laluan LRT Ampang dan Kelana Jaya dan laluan Monorail bagi bulan Januari 2023 sehingga Oktober 2023 telah mencatat 192.5 juta pengguna, melebihi jumlah pengguna untuk keseluruhan tahun 2022 yang mencatatkan 159.3 juta pengguna.

3. Perkhidmatan bas oleh Prasarana pula telah mencatatkan penumpang sebanyak 65 juta untuk 10 bulan pertama tahun 2023, melebihi penumpang pada tahun 2022 yang mencatat 59 juta pengguna. Ini merangkumi perkhidmatan RapidKL, Bas Pengantara MRT, BRT Sunway, RapidPenang dan RapidKuantan.

3. Pihak Prasarana juga telah menyahut seruan Kerajaan meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengangkutan awam dengan memaparkan data penumpang di laman sesawang rasmi <https://myrapid.com.my/>.

4. Kerajaan komited untuk merencanakan pemulihan dan pengembangan penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang, bandar-bandar utama dan luar bandar agar melebihi tahap pra-pandemik dengan menambahbaik faktor tarikan dan dorongan untuk penggunaan pengangkutan awam.

5. Antara perkara penting dalam usaha meningkatkan penggunaan pengangkutan awam adalah penyediaan rangkaian pengangkutan awam yang komprehensif, hentian bas yang selesa, laluan pejalan kaki yang selamat, serta lorong bas yang khas untuk meningkatkan kekerapan perkhidmatan bas. Sementara itu, faktor dorongan adalah faktor yang mempengaruhi pengguna kenderaan persendirian untuk berpindah kepada pengangkutan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam memastikan usahawan kecil dan sederhana khususnya dalam sektor peruncitan dan perkhidmatan negara agar terus berkembang dan menyumbang sekurang-kurangnya 30% GDP selari dengan keterlibatan 30% tenaga kerja di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) menyumbang **38.4%** kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2022, dengan sumbangan daripada sektor perkhidmatan termasuk sektor peruncitan, sebanyak **24.4%** pada tahun 2022, meningkat berbanding **22.8%** pada tahun 2021. Bagi guna tenaga pula, PMKS telah mencapai **30.9%** daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2022 dengan sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak **64.1%** daripada jumlah guna tenaga PMKS

SOALAN NO : 34

2. Bagi memastikan supaya sumbangan PMKS kepada KDNK terus meningkat khususnya dalam sektor perkhidmatan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensinya memberi tumpuan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (i) SME Bank telah menyalurkan pembiayaan sebanyak **RM5.2 bilion** di bawah **skim pembiayaan terbuka SME Bank** kepada usahawan PKS dalam sektor perkhidmatan yang mewakili 60.4% daripada portfolio semasa agensi;
- (ii) **Skim Pembiayaan BRPLUS-i** merangkumi Pembiayaan Berjangka-i dan Cash Line oleh Bank Rakyat yang menawarkan kemudahan pembiayaan untuk membiayai keperluan modal kerja dan perbelanjaan modal perniagaan usahawan PKS merangkumi sektor peruncitan dan perkhidmatan;
- (iii) **Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP)** oleh SME Corp. bertujuan untuk mewujudkan dan membangunkan PKS Bumiputera melalui bantuan bersepadu bagi memperkukuhkan teras perniagaan; dan
- (iv) **Program Pembangunan Vendor (PPV)** yang dilaksanakan oleh KUSKOP bagi membangunkan keupayaan syarikat termasuk dalam sektor perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan negara-negara maju telah memberi fokus kepada pengetahuan digital seperti kelas pengekodan (*coding*) yang diterapkan seawal peringkat sekolah rendah atau menengah di negara seperti New Zealand, Korea dan lain-lain. Nyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memberikan pendidikan awal kepada para pelajar yang berminat menceburi bidang ini di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM telah merangka Dasar Pendidikan Digital yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 26 Mei 2023. Matlamat Dasar Pendidikan Digital bertujuan melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing. Dasar ini menggariskan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang, yang bertujuan untuk memastikan ekosistem pendidikan kekal relevan dengan keperluan dan perkembangan teknologi semasa merangkumi pengaturcaraan dan pemikiran komputasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil langkah awal bagi memastikan semua murid mempunyai pengetahuan digital. Di Malaysia, murid didedahkan dengan kandungan yang melibatkan bahasa pengaturcaraan dalam mata pelajaran seperti Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di peringkat rendah dan menengah.

Di peringkat sekolah rendah, kemahiran asas menggunakan bahasa pengaturcaraan diperkenalkan dalam mata pelajaran RBT manakala di peringkat menengah, murid didedahkan tentang penggunaan bahasa pengaturcaraan dalam aplikasi teknologi.

Murid boleh membuat pilihan sama ada untuk terus mengambil mata pelajaran RBT atau Asas Sains Komputer (ASK). Di peringkat menengah atas, murid boleh mengambil mata pelajaran Sains Komputer (SK) sebagai mata pelajaran elektif.

Bagi menyokong pembelajaran murid, buku teks mata pelajaran tersebut disediakan agar dapat melengkapkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran pemikiran komputasional termasuk bahasa pengaturcaraan dan algoritma. Penyediaan bahan sokongan ini juga dapat membantu murid mengamalkan nilai dan budaya Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM turut menyediakan latihan kepada guru. Latihan ini bertujuan mengupayakan pendidik dan pemimpin pendidikan untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem pendidikan. Justeru, latihan ini dapat meningkatkan tahap kompetensi, membudayakan pengetahuan, kreativiti dan inovasi pendidikan digital secara menyeluruh. Menerusi Program Pemantapan Digital, berdasarkan Data Guru Aktif sehingga 15 September 2023, lebih 78% daripada 301,844 guru melepasi tahap pertengahan kompetensi digital.

Selain daripada itu, KPM juga melaksanakan Program Pemerksaan Pendidikan Digital bagi menyokong pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum dalam bidang pengaturcaraan dan pemikiran komputasional seperti aktiviti pertandingan *Minecraft*, pertandingan pembangunan aplikasi Android, iOS *App Ideation*, *Drone* dan *Imagine Cup Junior*. Sebanyak 10 pertandingan dan 45 aktiviti bimbingan telah dilaksanakan pada Januari hingga September 2023 bagi melahirkan murid yang fasih digital. Seramai 342,039 murid telah terlibat dalam program ini.

Selain itu, KPM juga telah menyediakan program untuk murid yang berkecenderungan dalam pembangunan atur cara dan pemikiran komputasional dalam pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) seperti Digital Ninja, Digital Innovator Programme dan Hour of Code. Pelantar DELIMa dapat digunakan oleh murid untuk mengakses bahan STEM dalam penyertaan pertandingan dan pembinaan kandungan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI TAKIYUDDIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes 3R dan pendakwaan terhadap YB Bagan berkenaan ucapan beliau yang menuduh Gelombang Hijau "akan menafikan hak bukan Islam dan akan berlaku pemusnahan rumah ibadat mereka".

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kes ini telah disiasat di bawah seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 / seksyen 233 Akta Komunikasi & Multimedia 1998 dan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara, selari dengan peruntukan Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan.

PDRM sentiasa komited dalam memantau isu-isu 3R dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak dalam menjalankan siasatan sekiranya terdapat laporan polis diterima serta wujud elemen kesalahan di bawah mana-mana peruntukan seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan seumpamanya bagi mengelakkan perlakuan-perlakuan ini daripada terus berleluasa sehingga boleh mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO ANYI NGAU minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status permohonan dan cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Baru di Long Jegan, Long Aton, Kawasan Peking dan Ba' Pakan serta status baik pulih Klinik Kesihatan Long Lama dan pelaksanaan Klinik Kesihatan Long San Ulu Baram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kawasan Long Jegan, Long Aton, Peking dan Ba'Pakan merupakan kawasan di pedalaman Bahagian Miri. Pada masa ini, penduduk Long Jegan seramai 384 orang, mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Long Jegan. Klinik ini telah beroperasi sejak tahun 1992 dan menerima kedatangan 10 orang sehari. KKM sentiasa berusaha untuk memastikan klinik ini terus beroperasi dengan baik. Oleh itu, kerja pembaikan dinding, lantai dan penggantian bumbung serta siling telah dilaksanakan pada tahun 2022 dengan kos RM250,000.00. Buat masa ini, KKM berpadangan klinik ini masih dapat menampung keperluan kesihatan penduduk.

2. Penduduk Long Aton (275 orang), Peking (349 orang) dan Ba'Pakan (217 orang) mendapat perkhidmatan kesihatan melalui Perkhidmatan Kesihatan Bergerak yang juga dikenali sebagai *Village Health Team (VHT)* dan juga *Flying Doctor Services (FDS)* secara berkala. Selain itu, penduduk di tiga (3) kawasan ini juga boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan terdekat, iaitu Klinik Kesihatan Long Loyang bagi penduduk Long Aton, Klinik Kesihatan Long Teru bagi penduduk Peking dan Klinik Kesihatan Long Bedian bagi penduduk Ba'Pakan.

3. Berdasarkan penilaian KKM, buat masa ini, kawasan Long Aton, Peking dan Ba'Pakan belum sesuai untuk dibangunkan dengan klinik kesihatan statik kerana populasi penduduk yang sangat kecil, berserakan serta terpencil. Pendekatan seperti ini akan menjurus kepada penggunaan sumber kesihatan yang tidak optimum. Namun, KKM sentiasa memantau keperluan kesihatan penduduk dan akan mempertimbangkan keperluan fasiliti kesihatan statik sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Klinik Kesihatan Long Lama kini beroperasi buat sementara waktu

di Dewan Masyarakat Long Lama disebabkan masalah mendapan tanah yang telah mengakibatkan kerosakan bangunan klinik. KKM merancang untuk membina klinik sementara dengan menggunakan sistem kabin/kontena supaya Klinik Kesihatan Long Lama dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik sementara menunggu kerja-kerja membaik pulih cerun dan bangunan klinik sedia ada disiapkan. Sehubungan itu, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak sedang berkerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak bagi mengenal pasti tapak yang sesuai untuk penyediaan klinik sementara tersebut.

5. Selain itu, JKR Sarawak telah dilantik sebagai Pengurus Projek untuk melaksanakan kerja pembaikan cerun Klinik Kesihatan Long Lama dan perancangan pembaikan cerun di tapak klinik tersebut sedang dalam tindakan JKR Sarawak.

6. Bagi Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 5) Dengan Kuarters Long San pula, Kementerian ini sedang memohon kelulusan Kementerian Ekonomi bagi pindaan skop pembinaan klinik ini untuk memenuhi keperluan terkini seterusnya memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada masyarakat di kawasan ini.

7. Pindaan skop ini melibatkan peningkatan kos projek yang ketara. Oleh itu, Kementerian ini dan JKR Malaysia selaku Agensi Pelaksana akan mengaturkan satu lawatan ke tapak cadangan projek bersama-sama Kementerian Ekonomi bagi memuktamadkan skop serta kos projek terkini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan keupayaan layanan fisioterapi di semua hospital dan klinik-klinik di bawah KKM bagi mengurangkan masa menunggu dan meningkatkan masa rawatan terhadap pesakit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang diambil oleh KKM bagi meningkatkan keupayaan layanan Fisioterapi di semua hospital dan klinik di bawah KKM dan meningkatkan masa rawatan pesakit ialah:

- (i) melalui pendekatan *lean management* dan aturan temujanji sistematik kepada pesakitl;
- (ii) perkhidmatan rehabilitasi melalui Klinik Maya (*Virtual Clinic*);
- (iii) menambah keupayaan melalui tambahan lantikan tetap seramai 34 orang pelatih Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) Gred U29 keluaran Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) pada September 2023 dan 31 pelatih keluaran Jun 2023 yang dijangka dilantik pada tahun 2024 mengikut kelulusan Agensi Pusat;
- (iv) memohon pertambahan jawatan tetap Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) dan Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi) secara konsisten kepada Agensi Pusat; dan
- (v) *remapping* taburan Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) dan Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi) di KKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI UTAMA HASNI BIN
MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini inisiatif Wakaf Madani seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2023 dan langkah-langkah terkini bagi mengembangkan potensi wakaf untuk menyokong agenda pembangunan negara dan umat Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan Ekonomi MADANI yang diluncurkan, Kerajaan Perpaduan giat mengarahkan usaha-usaha untuk menstruktur semula ekonomi demi melonjakkan pertumbuhan negara. Antaranya adalah dengan memfokuskan bidang kewangan dan ekonomi Islam di pentas global termasuklah dengan penekanan kepada pembiayaan ekuiti termasuk modal teroka, pendanaan awam dan ekonomi digital Islam serta kewangan sosial Islam seperti wakaf, zakat dan sedekah.

Menerusi Belanjawan 2023, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Wakaf MADANI dengan kerjasama sektor swasta sebanyak 1 bilion ringgit.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pada bulan April yang lalu, Kerajaan juga telah menyediakan dana sejumlah 200 juta ringgit dalam bentuk pinjaman mudah untuk pembangunan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang. Untuk tahun hadapan, dana tersebut akan ditingkatkan kepada 500 juta ringgit dalam untuk diperluaskan kepada seluruh negara.

Selain itu, Kerajaan juga menyediakan 100 juta ringgit bagi melengkapi kerjasama dengan inisiatif keterjaminan makanan, alam sekitar, masyarakat dan juga Majlis Agama Islam Negeri untuk membuka peluang pembangunan aset wakaf untuk tujuan kesihatan, pendidikan, dan perusahaan asas tani. Peruntukan ini akan disalurkan kepada MyCIF bagi tempoh 3 tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MATBALI BIN MUSAH
[SIPITANG]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan semula klinik-klinik kesihatan yang telah dirobohkan disebabkan kawasan bangunan tersebut terlibat dengan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo (PBH).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat dua (2) buah fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terlibat dengan pembinaan Pan Borneo *Highway* iaitu seperti berikut:

a. Klinik Desa (KD) Bukau, Beaufort, Sabah

KD tersebut telah dipindahkan dan beroperasi secara sementara di Balai Raya Kg Lumadan, Beaufort; dan

b. KD Pantai, Sipitang, Sabah

Perkhidmatan KD Pantai telah dipindahkan ke lot rumah berkembar milik persendirian di Kampung Pantai yang diduduki secara sewaan.

2. Kementerian telah mengenal pasti tapak seluas 5 ekar di Kampung Lumadan yang sesuai untuk pembinaan klinik baharu bagi menggantikan KD Bukau. Pada masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sedang menyiapkan dokumentasi bagi permohonan tanah untuk tapak tersebut. Permohonan peruntukan bagi melaksanakan projek ini akan dikemukakan ke Kementerian Ekonomi selepas semua urusan pemilikan tanah selesai.

3. Kementerian juga sedang dalam proses mengenalpasti dan mendapatkan tapak baharu yang bersesuaian untuk pembinaan KD Pantai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA
BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL (BANDAR TUN RAZAK)**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL (BANDAR TUN RAZAK) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berhubung dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) penglibatan tenaga kerja wanita akan naik 60% dalam tempoh 10 tahun, apakah langkah-langkah sistem pendukung (*support system*) untuk menciptakan keseimbangan hidup wanita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita menunjukkan trend meningkat iaitu dari 55.5 peratus pada tahun 2021 kepada 55.8 peratus pada tahun 2022. Walaupun ia meningkat sedikit, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan kadar penyertaan 81.9 peratus lelaki pada tahun 2022. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Kerangka Ekonomi MADANI berhasrat untuk mempergiat usaha bagi memastikan kadar penyertaan tenaga kerja wanita mencapai sasaran 60% dalam tempoh 10 tahun.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited dan menyokong usaha serta inisiatif untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang termasuk dalam tenaga buruh. Usaha dan inisiatif ini dilakukan menerusi pelbagai langkah antaranya pengukuhan sistem perundangan, penyediaan ekosistem menyokong wanita bekerja, program pembangunan kapasiti dan penjanaaan pendapatan serta ekonomi penjagaan.

3. Antara usaha bagi menyokong persekitaran kerja yang kondusif melalui pengukuhan undang-undang melibatkan penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] dan pindaan Akta Kerja 1955. Pengukuhan undang-undang ini adalah merupakan antara faktor tarikan untuk mengekalkan dan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh agar wanita berasa selamat dengan persekitaran kerja mereka. Di samping itu, para majikan turut diwajibkan untuk menampal notis tentang kesedaran gangguan seksual di tempat kerja.

SOALAN NO : 41

4. Selain itu, langkah untuk menggalakkan wanita untuk kekal atau kembali bekerja adalah melalui penyediaan kemudahan dan sokongan yang diperlukan, seperti penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja mahupun berdekatan dengan rumah, waktu bekerja yang fleksibel, pilihan untuk bekerja dari rumah dan insentif kewangan. Usaha juga akan diambil untuk memudah cara penubuhan pusat jagaan kanak-kanak serta meneroka pemberian insentif yang berkaitan seperti insentif cukai mahupun subsidi yuran TASKA. Usaha penyeragaman syarat dan kelulusan penubuhan TASKA di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara juga giat dijalankan dalam memastikan *red tape* dapat dihapus atau dikurangkan.

5. Pada masa yang sama, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga giat melaksanakan program pembangunan kapasiti dan penjanaan pendapatan yang menyasarkan semua golongan wanita tanpa mengira latar belakang bangsa, agama mahupun status perkahwinan. Program ini meliputi pengukuhan kemahiran dan pengurusan kewangan, pengurusan keseimbangan hidup dan juga pembangunan kepimpinan wanita ke arah menggalakkan wanita untuk terlibat dan terus kekal dalam tenaga buruh. Selain dari itu JPW turut menyokong wanita dari segi ekonomi melalui inisiatif penjanaan pendapatan melalui perniagaan atau keusahawanan.

6. Sementara itu, diakui bahawa ramai wanita yang tidak mampu untuk memasuki pasaran kerja kerana terlibat dalam *unpaid care work*, seperti menjaga anak-anak atau ahli keluarga yang berumur atau uzur. Justeru, industri penjagaan (*care industry*) telah turut dijadikan fokus terkini KPWKM. Ini bagi mencapai hasrat agar industri ini dapat dilaksanakan dengan lebih berstruktur dan turut mengiktiraf *unpaid care work* ini sebagai usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja. Usaha ini boleh membantu menangani beban wanita dari segi penjagaan keluarga dan cabaran penyusutan guna tenaga kesan daripada trend negara menua. Industri penjagaan akan dimanfaatkan untuk mewujudkan industri yang inklusif, cekap dan mampan. Pewujudan ekosistem yang kondusif dijangka dapat menarik pelaburan swasta, menyediakan penjagaan berkualiti dan melonjakkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh.

SOALAN NO : 41

7. Perlu diberi perhatian bahawa usaha dalam mencapai sasaran penyertaan 60 peratus tenaga buruh wanita yang digariskan dalam Ekonomi MADANI ini bukan hanya terletak di bawah tanggung jawab KPWKM sahaja, tetapi memerlukan komitmen semua pihak, termasuklah semua kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri, pihak swasta dan masyarakat sivil, melalui pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*).

8. Di pihak KPWKM, usaha yang dijalankan adalah untuk menyediakan persekitaran yang kondusif untuk wanita dapat bekerja seperti yang dinyatakan di atas. Pada masa yang sama, masih banyak perkara lain yang perlu dimainkan oleh agensi Kerajaan dan pihak yang lain seperti ciptaan peluang pekerjaan, memudahcara ciptaan peluang pekerjaan melalui pelaburan langsung asing, pemeraksanaan peluang dan pembinaan keusahawanan dan sebagainya. Semua usaha untuk mencapai sasaran ini adalah sejajar dengan prinsip keterangkuman Malaysia MADANI yang ingin memastikan tiada golongan yang terpinggir.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menukar bentuk hukuman bagi kesalahan di jalan raya daripada mengenakan bayaran kompaun kepada hukuman yang lebih bersifat mendidik seperti Perintah Khidmat Masyarakat (PKM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) mengambil maklum akan cadangan yang dikemukakan untuk menukar bentuk hukuman bagi kesalahan di jalan kepada hukuman yang lebih bersifat mendidik seperti Perintah Khidmat Masyarakat (PKM). Dalam hubungan ini, MOT dan agensi di bawahnya akan menyusul cadangan tersebut dan akan mengadakan sesi-sesi perbincangan bersama pemegang taruh dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030 bagi meneliti kesesuaiannya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan cadangan Penubuhan Lembaga Minyak Sawit Sabah bagi merancakkan usaha memperkasakan industri hiliran sawit dan membantu perkebun-perkebun kecil di Sabah dan nyatakan jenis-jenis bantuan yang sudah dan akan disalurkan dengan pekebun-pekebun kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil maklum akan cadangan Penubuhan Lembaga Minyak Sawit Sabah. Buat masa kini Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mempunyai sebuah Pejabat Wilayah Sabah yang berada di Kota Kinabalu serta stesen penyelidikan di Lahad Datu, Sabah. Selain daripada itu terdapat juga 12 pejabat Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di samping menyampaikan maklumat serta kemudahan yang dapat membantu pekebun-pekebun kecil dan pemain industri sawit di Sabah. 12 pejabat TUNAS di Sabah terletak di kawasan-kawasan seperti berikut:

- i. Kota Kinabalu.
- ii. Keningau;
- iii. Kota Marudu
- iv. Beaufort;
- v. Beluran;
- vi. Ranau;
- vii. Lahad Datu;
- viii. Tawau;
- ix. Sandakan;
- x. Semporna;
- xi. Telupid; dan
- xii. Kinabatangan.

2. Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha untuk memperkasakan industri hiliran sawit negara. Bagi mengukuhkan lagi platform industri hiliran negara, Kementerian memfokuskan kepada peningkatan pengeluaran produk sawit bernilai tambah, misalnya produk seperti detergen sawit yang mesra alam berpotensi dimajukan di Sabah, kerana ianya adalah produk kegunaan harian. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi menjayakan pengkomersialan produk-produk hiliran sawit melalui beberapa strategi di bawah Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030

(*New Industrial Master Plan 2030 – NIMP 2030*). DAKN 2030 memberi penekanan kepada usaha bagi memperhebatkan penjanaan nilai melalui aplikasi baharu, kepelbagaian produk dan peningkatan kompleksiti produk. Manakala, strategi di bawah NIMP 2030 adalah bagi memajukan kompleksiti ekonomi melalui kemajuan ekonomi, industri berinovasi, produk canggih dan berdaya saing dalam pasaran global.

3. Selain daripada itu, Kementerian melalui MPOB turut menawarkan bantuan melalui Skim Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) kepada pekebun-pekebun kecil sawit yang layak termasuk di Sabah. Sehingga 30 Ogos 2023, sebanyak RM9.97 juta nilai pembiayaan bagi Skim TSPKS telah diluluskan bagi keluasan penanaman sawit sebanyak 712.73 hektar yang melibatkan 154 pemohon pekebun kecil sawit persendirian di Sabah. Manakala untuk Skim IPPKS, sebanyak RM454 ribu nilai pembiayaan telah diluluskan bagi keluasan penanaman sawit 181.87 hektar yang melibatkan 38 pemohon pekebun kecil sawit persendirian di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah siasatan terkini ke atas kes bahan letupan termampat (IED) yang dipasang ke atas kereta Siti Kassim. Apakah tindakan KDN untuk memastikan insiden seperti begini tidak berlaku lagi ke atas mana-mana rakyat biasa, aktivis ataupun pemimpin.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian komited dalam menentukan keselamatan negara dan keharmonian negara sentiasa terpelihara. Pihak Polis tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk ancaman dan perbuatan yang cuba dilakukan oleh pihak tertentu yang boleh mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian rakyat. Sepanjang tempoh tahun 2019 sehingga Oktober 2023 pihak PDRM telah menjalankan siasatan sebanyak 17 kes diseluruh negara melibatkan ugutan melibatkan bahan letupan ke atas individu atau organisasi.

Berhubung dengan kes melibatkan individu penama Siti Kasim, pihak Polis telah membuka kertas siasatan berkait Pantai Repot 8502/2023 di bawah Seksyen 7 Akta Bahan Letupan 1957. Kertas Siasatan tersebut telah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya dan siasatan masih diteruskan dan usaha untuk mengesan suspek serta motif masih dalam tindakan pihak polis. Susulan kes ini masih dalam siasatan, pihak polis tidak berhasrat untuk mengulas lanjut.

Perkara 8 fasal (1). Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa semua individu adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Sehubungan itu, ditegaskan bahawa setiap warganegara Malaysia tanpa mengira status atau kerjaya akan dilindungi oleh peruntukan undang-undang serta Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah pelajar SPM di Sarawak yang tidak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2022 dan apakah punca perkara ini berlaku serta apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilaporkan berdasarkan calon sekolah KPM yang menduduki sekurang-kurangnya enam mata pelajaran.

Bagi negeri Sarawak, analisis tersebut menunjukkan seramai 1,441 orang calon sekolah KPM yang mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran tidak hadir menduduki peperiksaan SPM Tahun 2022.

SOALAN NO : 45

Antara faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada ketidakhadiran calon adalah seperti berikut:

- i. bekerja seramai 670 orang;
- ii. ponteng seramai 184 orang;
- iii. berhenti sekolah seramai 176 orang;
- iv. berkahwin seramai 103 orang;
- v. tidak dapat dihubungi seramai 67 orang;
- vi. sambung belajar seramai 55 orang;
- vii. sakit seramai 23 orang;
- viii. masalah keluarga seramai 14 orang; dan
- ix. dan lain-lain seramai 149 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa prihatin terhadap calon yang cicir dan tidak menduduki peperiksaan SPM Tahun 2022. Sebagai usaha membantu calon tersebut, KPM menyediakan ruang dan peluang kepada mereka untuk menduduki semula peperiksaan SPM bagi tahun 2023 atau tahun-tahun berikutnya sebagai calon persendirian.

KPM turut menawarkan perkhidmatan *patching* sijil peperiksaan SPM yang membolehkan beberapa keputusan peperiksaan calon digabungkan dalam satu sijil peperiksaan SPM sahaja. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada calon yang telah memperoleh sijil peperiksaan SPM kali pertama mulai tahun 2009. Dengan cara ini, calon masih berpeluang untuk mendapatkan sijil SPM atau memperbaiki keputusan mereka bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya atau mencari peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini siasatan polis berhubung dengan laporan polis dengan no repot: Damansara/005081/23, dari salah seorang daripada kira-kira 4,000 pelabur yang menjadi mangsa dalam kes penipuan pelaburan melibatkan lebih daripada RM1 bilion seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kemanusiaan Malaysia serta tindakan yang telah diambil untuk membanteras sindiket ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Semakan telah dibuat ke atas report polis oleh penama Tang Chai Yoong, berkait Damansara Report 5081/2023 mendapati penama telah membuat pelaburan saham sebanyak RM2.1 juta dengan Syarikat Radiance Assets pada 23 Disember 2021. Laporan polis tersebut telah diklasifikasikan sebagai *Refer Other Agency* (ROA) kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia kerana ianya melibatkan kegagalan syarikat membayar dividen ke atas saham yang dimiliki oleh pelabur. Semakan juga mendapati saham yang dimiliki oleh penama Tang Chai Yoong juga telah didaftarkan dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atas nama Syarikat Putra International College Sdn Bhd (PICSB). Satu mesyuarat juga telah dijalankan bersama Suruhanjaya Sekuriti pada 15 September 2023 dan memutuskan pihak Suruhanjaya Sekuriti akan menjalankan siasatan di bawah Seksyen 58 Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PANG HOK LIONG [LABIS]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mata wang ringgit Malaysia mencatat paras harian terendah 4.6973 berbanding dolar Amerika Syarikat pada 21 September 2023 :-

- a) faktor-faktor yang memberi tekanan kepada mata wang tempatan dan apakah langkah yang akan dan telah diambil Kerajaan untuk mengatasinya; dan
- b) adakah Ringgit akan terus mengalami tekanan dalam masa jangka panjang

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan mengenai faktor-faktor yang memberi tekanan kepada mata wang tempatan, penyusutan nilai mata wang ringgit yang dialami dalam tempoh terdekat ini sebahagian besarnya didorong oleh perkembangan global, khususnya pengukuhan dalam dolar AS dan ketidaktentuan pertumbuhan ekonomi China. Trend penyusutan ini turut dialami mata wang serantau seperti yen Jepun, baht Thailand, won Korea, renminbi China, dan peso Filipina berbanding dengan dolar AS pada tahun ini.

Usaha bagi menangani penyusutan nilai ringgit akan terus dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai bank pusat yang bertanggungjawab terhadap kestabilan pasaran kewangan dan mata wang yang akan sentiasa memastikan pelarasan ringgit berada dalam keadaan teratur. Untuk menangani volatiliti dalam pasaran pertukaran asing, BNM akan terus menguruskan risiko-risiko dari perkembangan domestik dan luaran serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur.

Kerajaan kekal komited dalam memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan polisi-polisi struktural yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran masuk dana dan pelaburan asing serta mempertingkatkan pelaburan langsung domestik (DDI) yang berkualiti. Langkah ini termasuk usaha bagi mentransformasi ekonomi negara yang dipandu oleh Kerangka Ekonomi MADANI menerusi dasar seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Selain faktor pemulihan kestabilan pasaran dunia, langkah-langkah tersebut beserta pelaksanaan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy*, NIP) untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti negara serta komitmen Kerajaan terhadap pengukuhan kemampuan fiskal

menerusi pembentangan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) dijangka menambah baik sentimen pelabur seterusnya memperkukuh nilai ringgit.

Bagi menjawab pertanyaan kedua mengenai adakah ringgit akan terus mengalami tekanan dalam jangka masa panjang, sebagai sebuah negara perdagangan dan ekonomi yang terbuka, permintaan terhadap ringgit akan terus dipengaruhi oleh faktor-faktor global. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting mengurangkan impak kejutan luaran terhadap aktiviti ekonomi domestik. Pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebih penerimaan pertukaran wang asing yang dipengaruhi oleh kegiatan teras ekonomi negara dijangka akan memperkukuhkan nilai ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan galakan untuk koperasi-koperasi dibabitkan secara aktif dalam pembangunan pertanian terutama dalam projek penanaman padi dan tanaman-tanaman bernilai tinggi dan yang menjadi keperluan utama rakyat dengan petani-petani tradisonal dianjurkan untuk menubuhkan koperasi khusus untuk tujuan ini. Melalui koperasi, lebih mudah untuk dikawal dan diselaraskan sama ada untuk bantuan dan juga pengedaran hasil ladang kelolaan koperasi-koperasi ini. Program ini berjaya dilaksanakan dengan jayanya di Korea Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa memberi galakan kepada koperasi untuk terlibat dalam sektor pertanian atau agromakanan. Sehingga 30 September 2023, sebanyak 172 koperasi telah terlibat secara khusus dalam sektor agromakanan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 koperasi yang menjalankan aktiviti ekonomi berteraskan penanaman padi.

2. Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan dan sumbangan koperasi dalam sektor agromakanan ini, KUSKOP melalui SKM telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (i) menyediakan pembiayaan modal pusingan agromakanan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100 juta. Koperasi yang layak boleh memohon pembiayaan sehingga RM3 juta bagi mengembang atau memperluaskan projek berkaitan pengeluaran makanan pertanian utama (*upstream*), pemprosesan atau pengilangan agromakanan atau aktiviti hiliran makanan lain;
- (ii) menyediakan geran bantuan pembangunan sehingga RM300,000 kepada koperasi yang berkelayakan bagi mengukuh dan mengembangkan aktiviti perniagaan koperasi termasuk aktiviti pertanian;
- (iii) mengadakan kerjasama strategik dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan dan Kerja. Antara program yang dilaksanakan di bawah kerjasama strategik ini ialah Program Penanaman Secara Fertigasi, Program Pertanian Berskala Besar dan Program Pertanian Berinovasi; dan
- (iv) mengadakan kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi tujuan pemasaran hasil pertanian keluaran koperasi secara kontrak (*contract farming*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah tambang percuma pengangkutan awam kepada orang kurang upaya, warga emas, pelajar dan kanak-kanak patut dilaksanakan. Punca utama kerosakan kemudahan aerotrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, nama syarikat yang bertanggungjawab dan apakah penyelesaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tambang Percuma Pengangkutan Awam

1. Bagi mengalakkan penggunaan pengangkutan awam, Kerajaan telah melaksanakan tambang percuma atau tambang bersubsidi untuk pelbagai mod pengangkutan awam.
2. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah melaksanakan pas perjalanan percuma untuk perkhidmatan KTM Komuter Lembah Klang, KTM Komuter Utara, KTM Shuttle Timuran (Gemas-Tumpat) untuk pelajar sekolah sehingga Tingkatan 6 dan golongan OKU melalui program My Rail Life.
3. Mulai 15 Ogos 2023, MyBAS Johor, Ipoh dan Seremban, melalui program myBas Konsesi, turut menawarkan tambang percuma untuk pelajar sekolah, warga emas dan OKU.
4. Pihak Prasarana juga menawarkan kad konsesi kepada pelajar, warga emas dan OKU. Kad konsesi tersebut menawarkan diskaun 50 peratus daripada harga tunai untuk perkhidmatan MRT, LRT, Monorail, BRT dan Bas RapidKL.
5. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan subsidi untuk Pas My50 yang membolehkan penggunaan tanpa had perkhidmatan MRT, LRT, Monorail, BRT dan Bas RapidKL untuk hanya RM50 sebulan bagi warganegara Malaysia.
6. Kerajaan berpandangan sebarang langkah termasuk tambang percuma atau tambang bersubsidi mengikut kemampuan kewangan Negara untuk mengalakkan penggunaan pengangkutan awam adalah wajar bukan sahaja untuk golongan khas sahaja tetapi untuk semua rakyat Malaysia.

7. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan dan memperkasakan mod pengangkutan yang lebih selamat, rendah karbon dan tidak menambah kepada kesesakan jalanraya.

Isu Aerotrain KLIA

8. Punca utama kerosakan kemudahan aerotrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur adalah kerana isu aset yang telah melangkaui jangka hayatnya yang menyebabkan prestasi dan fungsi aset merosot. Jangka hayatnya yang telah melebihi 20 tahun menyebabkan kebanyakan komponen alat ganti sudah tiada lagi bekalan dalam pasaran.

9. Sehubungan itu, langkah penyelesaiannya adalah dengan melaksanakan pelan penggantian aerotrain baharu yang mana kontrak yang bernilai RM742.95 juta telah dianugerahkan kepada Pestech Technology Sdn Bhd (PTSB) bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, berdasarkan situasi terkini, Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) telah membuat keputusan untuk menamatkan kontrak tersebut disebabkan oleh pelanggaran kontrak oleh pihak syarikat. Keputusan ini diambil selaras dengan prinsip tadbir urus MAHB dan berdasarkan pemantauan rapi pembangunan progresif projek *Automated People Mover* (APM) oleh pihak pengurusan MAHB dan perunding bebasnya.

10. MAHB telah mengadakan rundingan dan perbincangan dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) sedia ada yang terlibat dalam Projek APM untuk tujuan kesinambungan dan demi mengurangkan sebarang kelewatan.

11. Usaha yang diambil termasuk bekerja secara rapat dengan semua pihak berkaitan yang terlibat dalam kerja penggantian sistem dan landasan, serta mengenalpasti kontraktor pihak ketiga yang berpengalaman dan berwibawa untuk memastikan semua komponen projek APM dapat terus berjalan dengan konsisten.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik lebihan/kekurangan guru Bahasa Cina (BC) dan Bahasa Tamil (BT) terkini selepas usaha penandaan semula (*Re-tagging*) dan unjuran Baharu keperluan guru BC dan BT dari 2024 sehingga 2029 serta rancangan selanjutnya untuk memastikan isu kekurangan guru di SJKC dan SJKT dapat diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penandaan semula guru BC dan BT tanpa mengubah opsiyen ikhtisas asal guru telah dilaksanakan pada tahun ini berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 tahun 2022. Sehingga 29 September 2023, jumlah keperluan guru BC di SJKC adalah sebanyak 6,319 dan pengisian adalah seramai 6,859 orang guru. Jumlah lebihan perjawatan guru bagi BC di SJKC adalah sebanyak 540 manakala

SOALAN NO : 50

jumlah keperluan guru BT di SJKT adalah sebanyak 1,433 dan pengisian adalah seramai 1,741 orang guru. Jumlah lebih perjawatan guru bagi BT di SJKT adalah sebanyak 308.

Unjuran keperluan guru bagi sekolah KPM pada tahun 2024 hingga 2029 dikira berdasarkan baki kekosongan jawatan pada akhir tahun 2023 dan anggaran kekosongan perjawatan pada tahun 2024 dan seterusnya. Kekosongan perjawatan pada tahun 2024 hingga 2029 diunjurkan daripada jumlah kekosongan perjawatan akibat daripada guru yang keluar sistem, iaitu terdiri daripada kekosongan perjawatan akibat bersara paksa dan bersara pilihan, guru yang berada dalam kumpulan perjawatan (*pool*), guru cuti belajar, guru berpindah ke bahagian/JPN/PPD/IPG/Matrikulasi serta guru yang meletak jawatan sepanjang tahun 2024 hingga 2029. Hal ini bermakna guru yang keluar sistem akan menyumbang kepada kekosongan perjawatan pada tahun yang diunjurkan.

Setelah mengambil kira semua elemen yang terdapat dalam penyediaan unjuran keperluan guru bagi tahun 2024 hingga 2029, didapati tiada keperluan guru baharu yang diperlukan bagi opsyen Bahasa Cina (BC) dan Bahasa Tamil (BT) kerana terdapat lebih bagi opsyen BC dan BT. Walau bagaimanapun, unjuran keperluan guru akan disemak dari semasa ke semasa.

Dalam mengatasi isu kekurangan guru di sekolah, KPM bersama SPP memperkasa kaedah yang lebih strategik dalam urusan pengambilan guru baharu. Antaranya peluasan kluster mata pelajaran dan pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan akan dilaksanakan bagi membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun sebelum dilantik tetap oleh SPP.

Urusan pengambilan guru tahun 2023 sedang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Temu duga calon guru lantikan tetap telah bermula pada 19 Jun sehingga pada 22 September 2023 dan SPP dijangka akan mengeluarkan keputusan pada November 2023.

SOALAN NO : 50

Selain daripada itu, sekiranya calon guru lantikan tetap tidak dapat menampung kekosongan jawatan dan opsyen tertentu, kekosongan tersebut akan ditampung oleh guru lantikan *Contract of Service* (CoS). Urusan temu duga calon lantikan CoS pula telah bermula pada 18 September 2023 dan keputusan akan dikeluarkan setelah tawaran lantikan tetap selesai. Bekalan guru ini akan ditempatkan berdasarkan kekosongan di sekolah-sekolah KPM termasuklah di SJKC dan SJKT.

KPM komited mengoptimumkan pengisian perjawatan guru di sekolah berdasarkan waran perjawatan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**
TARIKH : **14 NOVEMBER 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pampasan yang diberi kepada China atas pembatalan *Multi-Product Pipeline dan Trans Sabah Gas Pipeline*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada persetujuan Jemaah Menteri pada 10 Februari 2021 untuk menyambung semula pelaksanaan projek *Trans Sabah Gas Pipeline* (TSGP), pihak Kementerian Kewangan dan syarikat *Suria Strategic Energy Resources* (SSER) selaku pemilik projek dengan pihak China Petroleum Pipeline Bureau (CPPB) telah mengadakan beberapa siri rundingan bagi mencari kaedah penyelesaian terbaik di samping membuat penambahbaikan terhadap isu- isu yang telah dibangkitkan sebelum ini. Selain itu, Jemaah Menteri dalam mesyuarat yang sama antara lain turut bersetuju supaya projek *Multi-Product Pipeline* (MPP) dikaji dan dirundingkan dengan lebih lanjut dengan pihak kontraktor bagi menentukan hala tuju yang jelas.

Hasil daripada rundingan tersebut, kedua-dua pihak bersetuju untuk menyambung semula projek TSGP, di mana terma dan syarat perjanjian baharu perlu dimuktamadkan terlebih dahulu. Bagi tujuan tersebut, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 21 September 2022 antara lain telah bersetuju secara prinsip supaya Perjanjian Tambahan bagi maksud penyambungan semula projek TSGP ditandatangani antara SSER dan CPPB berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Manakala pelaksanaan projek MPP hanya akan dipertimbangkan setelah kajian lanjut dilaksanakan, tertakluk kepada keputusan Kerajaan. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 21 September 2022 untuk menyambung semula projek TSGP, kedua-dua pihak SSER dan CPPB bersetuju supaya sebarang keputusan melibatkan tuntutan pampasan oleh kedua-dua belah pihak dibuat melalui rundingan bersama antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China, di mana ia hendaklah turut mengambil kira perkara-perkara yang dibangkitkan dalam rundingan terdahulu berkaitan isu pampasan pembatalan projek. Rundingan antara kedua-dua pihak masih berjalan sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]**

TARIKH : **14 NOVEMBER 2023 (SELASA)**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang perincian hasil rundingan Kementerian dengan Syarikat MYSJ Sdn. Bhd. untuk membeli MySejahtera dan pelan kerajaan untuk mengoptimumkan penggunaan MySejahtera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kelulusan Jemaah Menteri pada 26 November 2021 dan kelulusan pelaksanaan perolehan oleh Kementerian Kewangan pada 28 Februari 2022, Kementerian Kesihatan telah memuktamadkan perolehan aplikasi MySejahtera dengan skop berikut:

- (i) kontrak perolehan pengurusan aplikasi MySejahtera untuk tempoh dua (2) tahun;
- (ii) kesemua modul di bawah aplikasi MySejahtera adalah milik Kerajaan;
- (iii) hak milik aplikasi dan data MySejahtera yang meliputi hak harta intelek, kod sumber bagi modul-modul yang telah dibangunkan dan juga data, jenama serta logo 'MySejahtera' adalah milik Kerajaan;

- (iv) Kerajaan mempunyai hak penuh ke atas penggunaan Platform MySejahtera melalui lesen Platform kekal (*Perpetual License*) tanpa sebarang kos walaupun kontrak tidak dilanjutkan atau sekiranya Kerajaan membuat keputusan melantik pihak lain untuk menguruskan aplikasi MySejahtera; dan
- (v) Kerajaan boleh meneruskan pembinaan modul-modul tambahan dengan menggunakan lesen ini bagi sebarang keperluan daripada segi pendigitalan kesihatan awam tanpa sebarang sekatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Aplikasi MySejahtera pada awalnya berfokus kepada pengurusan kesihatan dan pandemik COVID-19, namun telah berkembang kepada pelbagai fungsi yang menitik beratkan pengurusan dan penjagaan kesihatan awam serta sendiri. Kementerian Kesihatan mensasarkan aplikasi MySejahtera sebagai aplikasi kesihatan awam digital yang unggul atau *digital public health superapp* yang kekal relevan, malah terus berkembang bagi memenuhi kehendak serta keperluan perkhidmatan kesihatan rakyat dan negara. Aplikasi MySejahtera akan terus dipastikan sentiasa bersedia bagi menghadapi sebarang krisis atau bencana kesihatan nasional pada masa hadapan.

3. Kementerian Kesihatan telah melancarkan beberapa fungsi dan modul baharu MySejahtera bagi tujuan:

- (i) pengesanan penyakit berjangkit seperti tibi, demam denggi, demam campak, penyakit anjing gila serta penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) bagi mengenal pasti kes-kes penyakit berjangkit tersebut bermula dari titik carian pengguna;
- (ii) rekod serta sijil digital vaksinasi Program Imunisasi Kebangsaan Malaysia (NIP) dan rekod vaksinasi orang dewasa seluruh warganegara;

NO. SOALAN: 52

- (iii) merekodkan maklumat dan keputusan saringan kesihatan yang dilaksanakan melalui beberapa program saringan kesihatan, antaranya:
 - (a) Program Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan, NHSI;
 - (b) Saringan Kesihatan Jemaah Haji;
 - (c) Saringan Kesihatan Komuniti; dan
 - (d) Saringan Kesihatan Mental.
- (iv) pendaftaran ikrar derma organ melalui pengeluaran Kad Pengikrar Derma Organ Digital kepada pengikrar dan notifikasi kepada waris terdekat;
- (v) paparan rekod derma darah;
- (vi) tempahan janji temu perkhidmatan kesihatan primer di klinik kesihatan dan klinik pergigian;
- (vii) Pelan Penjagaan Penyakit Berjangkit yang dibangunkan untuk memberi pelan penjagaan penyakit berjangkit yang bersifat *patient-centric*. Objektif utama fungsi ini adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pengurusan dan pemantauan pesakit serta kontak dengan lebih cepat dan efektif serta membantu pengesanan awal kes dan kontak supaya rawatan awal dapat diberikan dan sekaligus memutuskan rantai penyakit berjangkit dalam kalangan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah bangunan sekolah baharu yang akan didirikan menggantikan bangunan lama yang uzur di Lawas dan berapa peruntukan yang disediakan untuk menaik taraf bangunan lama dan rumah guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang kondusif bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data KPM, sehingga September 2023, bilangan sekolah yang mempunyai bangunan daif di Parlimen Lawas, Sarawak adalah sejumlah 20 buah yang terdiri daripada 13 buah sekolah berskala 6 dan 3 buah sekolah berskala 7. KPM memberikan keutamaan untuk melaksanakan projek menaik taraf atau penggantian kepada blok bangunan di sekolah-sekolah tersebut yang berada pada skala 6 dan skala 7 secara berfasa tertakluk kepada keperluan sebenar, lebih baki tanah sekolah serta status hakmilik tanah. Permohonan projek ini akan dikemukakan untuk pertimbangan agensi pusat dalam setiap Rolling Plan Rancangan Malaysia Lima Tahun. Walau bagaimanapun kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, KPM telah diluluskan pelaksanaan bagi lapan (8) projek fizikal di Parlimen Lawas iaitu bagi projek pembangunan di SK Long Lellang, SK Long Sukang, SMK Sundar, SK Long Luping, SK Purusia, SK Tang Lapadan, SMK Lawas dan SK Awat-Awat. Pelaksanaan projek ini melibatkan pelbagai skop pembangunan seperti pembinaan bangunan gantian, bilik darjah tambahan, rumah guru, asrama murid dan kemudahan-kemudahan lain. Jumlah peruntukan bagi 8 projek yang dinyatakan adalah berjumlah RM180.21 juta. Sehingga 30 September 2023, enam (6) projek berada pada peringkat pra bina, satu (1) projek dalam pembinaan manakala satu (1) projek telah siap.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah status susulan terkini permohonan penambahan mesin pengeluaran automatik (ATM) Bank Rakyat untuk diletakkan di kawasan Parlimen Julau bagi kemudahan dan kegunaan orang ramai yang ingin membuat transaksi kewangan tanpa perlu lagi berulang-alik jauh sehingga ke Bandar Sibu atau Sarikei.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Bank Rakyat menyediakan sebanyak 74 perkhidmatan mesin pengeluaran automatik (ATM) di seluruh negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebuah mesin ATM Bank Rakyat telah disediakan di premis bangunan Koperasi Daerah Julau di kawasan Parlimen Julau sejak tahun 2012 untuk kemudahan penduduk setempat.

2. Berhubung permohonan penambahan mesin ATM di Parlimen Julau, sukacita dimaklumkan bahawa Bank Rakyat telah melaksanakan lawatan penilaian di sekitar kawasan Julau pada 27 September 2023 bagi mengenal pasti keperluan penambahan mesin ATM untuk penduduk setempat. Berdasarkan penilaian tersebut, Bank Rakyat telah mengenal pasti lokasi yang berpotensi bagi penempatan satu lagi mesin ATM tambahan yang bersebelahan mesin ATM sedia ada di premis bangunan Koperasi Daerah Julau Berhad. Pemasangan mesin ATM tersebut dijangka akan dilaksanakan pada bulan Disember 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah untuk menyelesaikan masalah peningkatan jumlah permohonan persaraan pilihan oleh tenaga pengajar kebelakangan ini yang disebabkan peningkatan beban luar bilik darjah dan tekanan daripada pihak pengurusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mencari penyelesaian terbaik untuk menjamin kesejahteraan guru termasuk usaha untuk mengurangkan beban tugas di sekolah.

Berdasarkan inisiatif 7 Teras Utama Nadi Keunggulan KPM yang menjadi tumpuan KPM bagi melahirkan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera, KPM akan memastikan golongan guru diberi sokongan profesional secara berterusan. Melalui Teras 5 yang memfokuskan kepada isu kebajikan termasuk tekanan yang dihadapi oleh guru, pelbagai inisiatif sedia ada akan dikekalkan serta ditambah baik dari semasa ke semasa.

Selain inisiatif Teras 5, KPM telah mengumumkan sepuluh perkara untuk memperkasa kebajikan guru. Antaranya memperkasa pengurusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan agar kekosongan di sekolah dapat dipenuhi bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. KPM dengan kerjasama rakan strategik turut menyediakan peluang merehatkan minda melalui Program Cuti-Cuti Cikgu serta memberi kebenaran dan kelonggaran pemakaian baju korporat rasmi KPM sewaktu bertugas sebagai usaha untuk menaikkan semangat guru.

Selain itu, KPM berusaha meminimumkan tugas pengurusan dan pentadbiran bukan profesional dengan mengoptimumkan pengisian kekosongan perjawatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) berdasarkan kelulusan kuota pengisian agensi pusat (JPA) serta bekalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

KPM turut mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak berkepentingan termasuk Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB) bagi mendapatkan maklum balas untuk menentukan perancangan KPM dalam mengatasi isu beban tugas guru.

Disamping itu, KPM juga menyediakan latihan dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi guru untuk memberikan kemahiran pengurusan emosi, kawalan diri dan amalan harian yang positif berdasarkan tahap kesejahteraan psikologi yang dinilai melalui Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi).

KPM juga memantapkan kompetensi guru menerusi pembangunan profesionalisme berterusan agar sentiasa bersedia dan bermotivasi untuk menjalankan tugas. Guru diberi latihan dan bimbingan berterusan dalam mendukung pelaksanaan dasar pendidikan semasa termasuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam aspek pendigitalan pendidikan bagi mendepani sistem pendidikan abad ke-21.

SOALAN NO : 55

KPM sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menjamin kesejahteraan guru agar kekal berkualiti dan bermotivasi dalam melaksanakan profesion keguruan sepanjang perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan langkah-langkah yang diambil Kementerian dalam menyelesaikan isu stunting (bantut) dan wasting (susut) dalam kalangan kanak-kanak bawah usia lima tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak. KKM sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan kesihatan dan pemakanan yang terbaik serta proaktif dalam menjalankan langkah-langkah pencegahan dan intervensi bagi menangani masalah bantut bermula seawal persediaan kehamilan.

2. KKM menyediakan program pemakanan khusus bagi menangani masalah kekurangan zat makanan melalui Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) dan Program *Community Feeding* Orang Asli/ Bandar. Semua kanak-kanak yang mengalami kurang berat badan, susut, bantut dan berisiko masalah pemakanan daripada keluarga miskin tegar dan miskin akan diberikan bantuan bakul makanan yang mengandungi beras, susu tepung, sardin dan biskut dengan harga pakej bantuan sebanyak RM250 sebulan bagi Semenanjung dan RM300 sebulan bagi Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Manakala di bawah Program *Community Feeding* di lokaliti terpilih, kanak-kanak diberi makanan bermasak, multivitamin/ minyak ikan dan susu penuh krim sekali sehari bagi tempoh 5 hari dalam seminggu dan bagi kanak-kanak Orang Asli yang mengalami masalah kurang zat makanan, pemberian *Ready- to-Use Therapeutic Food* (RUTF) diberi 3 kali seminggu.

3. Pihak KKM juga berkolaborasi erat dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dalam menangani masalah bantut dan susut antaranya melalui penyediaan dan semakan menu sihat di TASKA, TABIKA, TADIKA serta prasekolah dan Latihan Modul Penyediaan Makanan kepada pengusaha dan penyedia makanan di TASKA, TABIKA, TADIKA dan prasekolah.

4. Langkah-langkah ini diperkukuhkan lagi dengan pendekatan menyeluruh kerajaan (*whole of government approach*) melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa Khas ini dianggotai oleh 16 ahli Jemaah Menteri dan Pengurusan Tertinggi pelbagai Kementerian serta Jabatan dan agensi yang berkaitan bagi memperkukuhkan kolaborasi yang berkesan di setiap peringkat. Kolaborasi ini diterjemahkan melalui pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Kanak-kanak Malaysia, 2023-2030 dengan memfokuskan 5 Strategi Utama dengan 31 inisiatif iaitu;

- Strategi 1 : Pengukuhan tadbir urus kesejahteraan pemakanan melalui perundangan, komitmen politik dan pemegang taruh;
- Strategi 2 : Peningkatan kualiti dan akses perkhidmatan pemakanan;
- Strategi 3 : Pemantapan persekitaran dan masyarakat kondusif;
- Strategi 4 : Memperkasakan pembangunan kapasiti dan modal insan; dan
- Strategi 5 : Sinergi advokasi pemakanan kanak-kanak.

5. Selain itu, pihak KKM turut menjalinkan kerjasama bersama pihak universiti awam dan swasta, persatuan dan badan profesional seperti Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM) dan Persatuan Pediatrik Malaysia (MPA), serta badan antarabangsa seperti UNICEF dalam pelaksanaan aktiviti bagi meningkatkan status pemakanan kanak-kanak dan kesedaran ibu bapa/ penjaga berkaitan permasalahan ini.

6. Keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan terbukti apabila kajian di peringkat populasi iaitu Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (*National Health and Morbidity Survey, NHMS*) dalam kalangan kanak-kanak berumur bawah 5 tahun menunjukkan penurunan 0.6% prevalen

bantut daripada 21.8% pada 2019 kepada 21.2% pada tahun 2022. Di samping itu, pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) iaitu Peratus Kanak-kanak Kurang Berat Badan dalam Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) yang Meningkatkan Berat Badan Berdasarkan Standard Pertumbuhan WHO 2006 menunjukkan tren peningkatan daripada 60.5% pada tahun 2018 hingga 77.8% pada Jun 2023. Malah, Kajian Keberkesanan PPKZM oleh UPM pada tahun 2018 juga menunjukkan 50% kanak-kanak berjaya dipulihkan dan diberhentikan daripada program.

7. KKM percaya dengan usaha bersepadu dan kerjasama daripada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan pihak swasta akan membantu menangani masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak yang sedang dihadapi. Semoga kita berjaya membina negara dan generasi pewaris yang sihat dan produktif.

Sekian, terima kasih.